



MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

RANG UNDANG²:

- Rang Undang² Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan) [Ruangan 885]
- Rang Undang² Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 891]
- Rang Undang² Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 900]
- Rang Undang² Pinjaman (Stok Penimbal Timah Antarabangsa [Ruangan 903]
- Rang Undang² Chukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 904]
- Rang Undang² Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) [Ruangan 907]
- Rang Undang² Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 908]
- Rang Undang² (Pindaan) (No. 2) Eksais [Ruangan 913]
- Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1970) [Ruangan 916]
- Rang Undang² Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan), 1971 [Ruangan 918]
- Rang Undang² Perjanjian Bretton Woods (Pindaan) [Ruangan 919]
- Rang Undang² Kewangan (Pindaan) [Ruangan 922]
- Rang Undang² Kewangan (Duti Harta Pesaka) [Ruangan 922]
- Rang Undang² Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 926]
- Rang Undang² Kumpulanwang Pinjaman Perumahan [Ruangan 937]

USUL:

- Penanggohan Meshuarat [Ruangan 915]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Juma'at 6hb Ogos, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, J.M.N., D.P.M.S., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DR SYED HUSSEIN ALATAS (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
 „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
 „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
 „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
 „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
 „ TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
 „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
 „ DATO' HAJI PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
 „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
 „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
 „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
 „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Dato' Kurnia Panglima Raja (Pahang).
 „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
 „ TUAN SHAARI BIN JUSOH (Perlis).
 „ TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
 „ TUAN WILLIAM TAN, J.M.N., C.B.E. (Di-lantek).
 „ DATO' S. O. K. UBAIDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
 „ TUAN WONG SWEE SOON, A.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
 „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
 „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
 „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
 „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).
 „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN (Johor).
 Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
 Yang Berhormat TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
 „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
 Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).
 Yang Berhormat DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).
 „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
 „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
 „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG²RANG UNDANG² UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan satu Bill sa-bagai satu Akta bagi meminda Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), 1956.

Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan), 1971, ada-lah bertujuan untuk menggantikan Ordinan No. 81 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 yang telah di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menurut kuasa² dharurat. Kedua² Rang Undang² ini mempunyai kandungan, maksud dan tujuan yang sama ia-itu untuk meminda beberapa sekshen tertentu yang terdapat di-dalam Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), 1956, bagi mengetatkan lagi kawalan² terhadap penjualan dan pengiklanan ubat² itu. Pindaan ini telah di-buat sa-telah Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa Ordinan asal ia-itu Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), 1956, tidak lagi menchukopi untuk memenohi keperluan² dan perubahan² yang ada sekarang ini. Rang Undang² ini telah pun di-bahathkan dan di-luluskan oleh Dewan Ra'ayat.

Pada tahun² lalu, terdapat surat² khabar tempatan, majallah² dan chara² penyebaran lain, menyiarkan iklan² yang bertujuan untuk menjadi daya penarek bagi orang ramai mendapatkan ubat² atau rawatan² dari pengiklan bagi menyembuhkan penyakit², benchana atau kelemahan dan keadaan² lain, pada hal si-pengiklan itu tidak mempunyai kelulusan dan pengalaman perubatan yang di-akuï. Ini sudah tentu-lah menimbulkan bahaya² besar kapada orang ramai yang terpengaruh oleh kenyataan palsu di-dalam iklan² itu dan yang tidak mengetahui bahawa sa-bahagian daripada penyakit² dan lain² yang di-sebutkan di-dalam iklan² itu hanyalah boleh di-rawati dengan sempurna oleh doktor² yang berpengalaman dan berkelulusan. Sunggoh pun Ordinan Ubat (Iklan dan Penjualan), 1956 melarang pengiklanan

mengenai ubat² atau benda² lain untuk menyembohi beberapa jenis penyakit² tertentu, maseh banyak lagi penyakit² yang lain yang wajib di-masokkan ka-dalam senarai ini. Oleh kerana itu, Sekshen 3 di-dalam Ordinan itu telah di-pinda bagi menchapai tujuan itu. Dalam pada itu juga sekshen yang baharu telah di-masokkan bagi melarang sa-saorang itu membuat iklan yang ada kaitan-nya dengan kemahiran atau perkhidmatan berkenaan dengan rawatan bagi apa² penyakit pun.

Ordinan asal juga hanya-lah mengkehendaki supaya bahan² yang di-gunakan di-dalam ubat² moden sahaja, di-bentangkan di-dalam lebel²-nya supaya di-ketahui umum, tetapi ubat² asli di-kechualikan daripada sharat² ini. Pengechualian itu di-anggap tidak lagi sesuai oleh kerana ubat² asli juga boleh di-buktikan mendatangkan bahaya kapada kesihatan umum. Sharat² itu patut-lah dikenakan juga kapada ubat² asli lain sa-bagai satu langkah menchegehah, dan oleh itu pengechualian itu telah di-batalkan.

Dewan Negara yang mulia ini di-minta meluluskan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) (Pindaan), 1971 supaya Ordinan No. 81 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 dapat di-masokkan sa-bagai satu undang² yang kekal.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul ini.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I feel that this is a right step in the direction of guarding the health of our nation and I strongly support this Bill, because throughout Malaysia many medicine shops have sprung up, selling all sorts of medicines from the Arctic Pole to the Tropical regions. All sorts of names are given to these drugs. Some of them are innocuous, some of them are poisonous and some of them are supposed to invigorate the young men and also the old men. But the contents are not known. I know of a drug and the bottle in which the drug was put in was labelled with all sorts of curative powers for all sorts of diseases. The flavour of the drug was but honey and water and a bit of benzoic acid as a preservative so that there is no fermentation and they sell those drugs as a cough cure, and just because of faith, people get cured by drinking this medicine. If you believe you are going to get well, you will get well—there is no way out. I think

it is time that this Ordinance is introduced. As far as the medical men are concerned, regarding advertisements, we have got our Association and we have got a Board formed now to control the behaviour of the medical men. He should not advertise, he should not write to the newspapers putting his name supporting certain drugs, but, of course, Members of Parliament are exempted from this. Sometimes we do speak and because we are Members of Parliament, of course our names have got to appear. So the Medical Association excuses us for that sort of thing.

Drugs should be labelled as in every country. I have bought bottles of honey from shops which say that the honey was very good. Some said that the honey came from China, some said the honey came from Langkawi, but most of the honey was but sugar, a bit of honey, but plenty of sugar. If you want to test it, put it in a refrigerator, just push it in and you will find that half solidified sugar inside, a bit of honey on the top. So that is not honey. Even honey, they should be labelled as pure honey and Government should have an analysis to see that the honey is pure honey—not merely say honey, and defraud the people of their money.

On medicine too, I have known of a medicine, "Calligreen" nothing except boric acid, maybe a little of chlorophyll, a bit of wax, vaseline and menthol and they label it as a panacea for all dermatitis, all skin diseases, bites and stings of insects, everything could be cured by that. People buy it because it is advertised through the television, through radio and through newspapers. People buy it because they think that this will cure them and sometimes it does cure them if they are bitten by mosquitoes because of the menthol there acts as a sedative to the skin.

I hope that implementation of this must be thorough. It is useless to pass a Bill and say we want to do this. If you do not do it, thousands of shops will be selling drugs, labelled all sorts of things; they can put a label to say this drug contains rhinoceros horns, contains turtle eggs, contains all sorts of things, the poison from a cobra, everything inside the bottle. But you have got to analyse to see whether the bottle does contain all those drugs and there is plenty of work I think, for the Medical Department and for the Chemical Department. I hope that these

Departments would be enlarged to cope with these frauds, defrauding people of their money through a belief that the drugs will cure them. Drugs would not cure many things. Your mental condition—you can give a sedative for mental condition. It depends on yourself to cure yourself. It depends on the belief in yourself that you can be cured. You can give a sedative to a patient to sleep off his emotions for a few days, his upsets for a few days and a few days later he will get the same thing, and you give it until it becomes habitual. Then you see millions and millions of sedative addicted people. Then what type of people you will have in this world? People who cannot think, who always have to take drug to stimulate themselves. Drug is useless for human body unless it is diseased. Maybe there are some digestive drugs which are required for most of the people who are aged because their system cannot take in and absorb all the vitamins they take. Sometimes we have got to put an overdose of vitamins into the body because if we put in 100% maybe the system will absorb only 10%. So 90% is thrown out. So you have got to put an overdose, about three times, at least we can absorb 30% of the drugs into the body, especially vitamins.

Most of the food here in our country are so spiced, that they lack the necessary sustenance for our system. Maybe it will give you a very good appetite, but nothing to sustain the body. If you eat rice only, you have got only carbohydrates, nothing else. If you eat plenty of curry, it stirs up gastric juices, gets absorption, but nothing else. You cannot be mentally alert on the type of food. You cannot be really an intellectual, brilliant person. It is time that most of the drug shops are checked properly, because I know there is one fraud against Russia—certain drug has been sold in the shops purportedly to be made in Russia, but actually it was produced locally. They only labelled it—"Made in Russia", but it is produced locally. Some drugs are labelled as "Made in China", but we know China never exported her drugs and they labelled it "Made in China" and so all these people are being duped because of this and it is time that the Government passed this Act.

But one point I want to stress is, be thorough in the implementation. We must be thorough, enlarge our Chemical Department, have a team of chemists to go through it, and within 5 years we will have a different type

of population in this country. We may have a people who will be able to implement our Second Malaysia Plan.

In spite of all the talk, it is useless if it is not properly implemented. Nutrition is the basis of health. I know some food in our country which cause a person to go to sleep. Some food they eat in the kampongs cause loss of memory. Their food has got some sort of antihistamine in it. In medicine, it is called serotonin. Serotonin is found mainly in certain type of foods and in certain of fruits. And serotonin is very bad for the brain. It may degenerate a race completely because it inhibits the memory power, certain cells of the brain, and if a race takes the food continuously the race becomes decadent, they cannot progress, and I hope the Minister of Health will find out what type of fruit in this country we get serotonin and beware of it. Thank you, Sir.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin:

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri² dan Ahli² Yang Berhormat sakalian, saya suka-lah mengambil bahagian dalam membahathkan Suatu Akta bagi meminda Ordinan Obat (Iklan dan Penjualan), 1956.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh di-atas ada-nya undang² yang sa-macham ini oleh kerana saya dapati banyak perkara² yang telah berlaku pada masa yang lampau, malahan perkara ini menyusahkan kapada seluroh ra'ayat² yang tidak berpengalaman langsung berkenaan dengan perubatan² yang sa-macham ini.

Jadi di-sini saya suka-lah memberi pandangan sedikit ia-itu sa-patut-nya segala drug² yang di-jual di-merata² kedai mesti-lah mendapat satu surat lebal di-letakkan dalam botol² atau tempat² ubat yang hendak di-jual itu. Ini memang-lah ada berlaku di-luar² negeri ia-itu satu certified certificate lebal itu di-lekatkan kapada botol² yang sudah diasiat oleh Menteri Kesihatan.

Dan lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu sa-lain daripada iklan² di-akhbar² maka ada juga pakar² yang tidak qualified. Mereka itu mendudoki dalam hotel dan membuat poster yang besar² untuk menarek kapada ra'ayat supaya datang ka-hotel itu untuk mengubatkan penyakit² yang termaktub dalam undang² ini. Jadi ini patut-lah juga bagi pehak Kerajaan supaya di-ketatkan lagi, bukan-nya dalam akhbar² atau talivishen² bahkan juga kapada kedai² yang mana poster yang sa-bagitu besar untuk menarek kapada ra'ayat. Jadi itu-lah pandangan saya

yang pendek ini untuk membahathkan dalam undang² yang ada kita bentangkan pada hari ini. Sekian.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak² terima kaseh kapada kedua² Ahli Yang Berhormat, terutama sa-kali Yang Berhormat Dato' Dr Cheah Toon Lok yang telah memberikan pandangan yang jauh sa-hingga madu pun kalau boleh hendak-lah di-masokkan dalam ta'arif ubat, perkara ini sudah sa-mestinya akan di-kawal. Tetapi tujuan Rang Undang² ini ia-lah berkenaan dengan penyakit² merbahaya yang mana ubat itu menggunakan benda² yang merbahaya, kalau tidak ada keterangan yang chukup di-dapati over-dose boleh jadi akan membawa maut. Ini-lah tujuan masaalah kita yang utama. Walau pun ada lebel² tetapi kita tahu sama tahu—kadang² isi-nya di-ubat. Saya akan siasat di-Jabatan Kimia dan di-mana di-beli ubat² itu. Kita akan membuat penyiasatan mengejut ka-atas kedai² ubat yang menjual ubat² itu. Kita telah pun menangkap mereka² yang terlibat dalam hal ini ia-itu yang dijalankan oleh pehak Polis.

Dengan ini saya ucapkan banyak² terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat di-Dewan yang berbahagia ini yang telah menyokong penoh dan kita akan mengambil tindakan yang keras.

Bagitu juga Ahli Yang Berhormat tadi telah berkata berkenaan dengan pakar² yang tinggal di-hotel² untuk mengubat penyakit² dan bermacam² lagi tetapi ini pun akan di-kawal dalam perkara² iklan yang termasuk dalam perkara ini juga. Saya ucapkan banyak² terima kaseh di-atas sokongan itu.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujui.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk meminda sekshen 9 Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 untuk membolehkan Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia di-lantek menjadi Ahli Lembaga Pengarah sa-suatu sharikat dengan persetujuan Menteri Kewangan. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, kita menghadapi kekurangan pegawai² kanan yang ada pengalaman yang chukop untuk mewakili Kerajaan di-Lembaga Sharikat² di-mana Kerajaan ada membeli saham. Kerajaan mempunyai saham di-beberapa sharikat perdagangan dan perusahaan, dan pada masa akan datang jumlah sharikat² ini akan bertambah oleh kerana dasar Kerajaan sekarang ia-lah mengambil peranan yang tegas dalam lapangan perusahaan. Dengan itu, Kerajaan mesti-lah menggunakan pegawai² yang berpengalaman termasuk pegawai² di-Badan² Separoh Kerajaan bagi kepentingan Negara.

Apabila Kerajaan menimbang soal melantek sa-saorang chalu yang ada pengalaman di-dalam hal² kewangan sa-bagai Pengerusi, Lembaga Pengarah Sharikat Malaysia Explosives Sendirian Berhad, Kerajaan telah mengambil keputusan melantek Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia. Saperti Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, sharikat ini ia-lah sa-buah sharikat awam dengan Kerajaan mempunyai sa-bahagian daripada saham²-nya.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan, di-bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan Persekutuan Ordinan No. 57 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 untuk menguat-kuasakan pindaan ini mula² dari 5hb November, 1970.

Rang Undang² ini semata² bertujuan untuk memasokkan pindaan itu dalam undang² yang kekal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, atas dasar-nya saya tidak membangkang Rang Undang² ini,

kerana saya sedar bahawa pada masa ini, barangkali, banyak lagi kekurangan orang² yang berpengalaman untuk mewakili Kerajaan di-dalam sharikat². Saya sedar juga sekarang Kerajaan sedang melaborkan wang-nya ka-dalam perusahaan² yang menggunakan sharikat berhad. Tetapi perkara yang saya hendak kemukakan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah jikalau wakil² Kerajaan di-dalam sharikat² berhad itu hanya di-pileh atau di-lantek daripada Gabenor Bank Negara atau Timbalan-nya, saya rasa ini akan merugikan, merugikan kepada orang² yang lain yang ada pengalaman yang boleh dudok mewakili Kerajaan di-dalam sharikat tersebut.

Kita sekarang ini telah terlampau kurang tenaga terutama sa-kali dari kaum bumiputra yang boleh menjalankan sharikat² yang besar dan jikalau kita tidak beri peluang kepada mereka yang layak rasa saya bila lagi. Kalau² hendak dudok dalam satu sharikat yang berjaya, yang besar modal-nya, barangkali tidak dapat sa-saorang bumiputra itu hendak dudok di-situ kerana dia tidak mampu membeli saham² di-dalam sharikat² itu. Jadi kalau Kerajaan membeli saham di-dalam sharikat itu jadi boleh-lah Kerajaan memilih salah sa-orang daripada bumiputra yang di-pandang-nya layak menyandang jawatan Pengarah itu dan mungkin Gabenor atau Timbalan Gabenor boleh di-ambil sa-bagai penasihat bukan-nya sa-bagai Pengarah.

Yang saya takut, Tuan Yang di-Pertua, pada satu masa barangkali Kerajaan banyak melaborkan modal di-dalam sharikat² berhad, rasa saya trend itu sudah nampak sekarang ini, jadi pada satu masa Timbalan Gabenor atau Gabenor mungkin sebok sangat di-dalam urusan sharikat² berhad ini dan terlupa menjalankan tugas² mereka sa-bagai Gabenor Bank atau Timbalan Gabenor. Saya tidak mengatakan yang Gabenor yang ada sekarang ini atau Timbalan-nya tidak chekap, mereka berdua ada-lah orang² yang saya hormati, tetapi apa yang saya mushkhillkan, takutkan pada suatu masa besok mereka itu terlampau sebok di-dalam sharikat² berhad itu. Itu juga tidak memberi peluang kepada bumiputra² yang lain yang mungkin layak menyandang jawatan pengarah². Sekian-lah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, pada mula-nya saya tidak berhadang hendak berchakap di-dalam Bill ini tetapi saudara saya Tuan Kamarul

Ariffin telah memberi satu pandangan yang saya rasa ada baik untuk menjadi perhatian pehak Kementerian yang berkenaan.

Pada saya Gabenor atau pun Timbalan Gabenor Bank Negara hendak di-letakkan di-dalam sharikat² bersendirian atau pun sharikat² perniagaan (public company) yang di-tubuhkan oleh orang ramai atau pun yang di-modali bersama oleh orang ramai dengan Kerajaan, saya rasa ini boleh jadi satu perkara yang boleh melibatkan Bank Negara itu dengan suatu perniagaan yang mana saya rasa kurang-lah baik bagi Bank itu menchampori satu² perniagaan yang bebas bagitu.

Sungguh pun saya tidak membangkang Rang Undang² ini, saya menyokong sa-bagai ahli Kerajaan, tetapi suka saya memberi pandangan dan meminta sedikit pandangan daripada Kementerian yang berkenaan, adakah mana² negeri seperti di-England-kah, di-America-kah di-mana negeri yang telah maju umpama-nya, bank², central bank mereka ini memasokki menjadi ahli dalam Board of Directors menjalankan perniagaan bersama dengan sharikat² persendirian ini sa-bagaimana yang kita lakukan ini atau pun mereka ini chuma sa-bagai penasehat atau mengawasi perjalanan atau macham mana. Perkara ini, saya rasa elok kita pandang sedikit jauh tentang chara mana mereka ini, negeri yang telah maju menjalankan pekerjaan. Kalau sa-kira-nya ahli board ini kita ambil daripada wakil Kementerian Perdagangan, wakil daripada Treasury umpama-nya, saya rasa, itu lebih tepat atau lebih kena dengan keadaannya kerana wakil Treasury masuk di-situ boleh jadi kerana wang Kerajaan ada modal dalam itu. Itu elok pada pandangan orang ramai. Kerajaan masuk modal mesti ada wakil Kerajaan, wakil Kerajaan yang elok-nya ia-lah wakil Treasury, sebab Treasury yang memegang harta Kerajaan, tetapi Bank Negara ini ia-lah sa-buah bank yang mengawasi kesemua bank² yang ada. Bank ini ia-lah sa-buah bank yang menjaga undang² dan peratoran perjalanan bank, bukan perjalanan sharikat. Ini satu perkara yang luar biasa sedikit, tetapi saya ta'pernah jadi ahli bank, saya tidak pernah jadi penasehat bank, saya tidak ada involve dalam mana² bank—saya pedagang kecil (kerdil).

Jadi saya hendak bertanya, adakah ini chara yang lain daripada chara yang di-buat di-England atau di-negeri² yang telah maju. Kalau lain, kenapa lain, kerana kenapa kita

mesti buat chara lain. Ini satu penerangan yang lebih jelas patut di-beri kepada Dewan ini supaya orang ramai faham, supaya kita semua dapat faham dengan jelas. Ini ada-lah pandangan saya dan saya hendak minta penjelasan yang lebih teliti dalam masalah ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: (*Dengan izin*)

Sir, my two Honourable colleagues in this House have expressed their views on this matter before I could do it—I was going to express almost the same type of views. We must remember that the Governor and the Deputy Governor of Bank Negara are people who are occupying the highest heirarchy in the financial status of our country—the highest. They control the wealth of our country. If any one of them were to sit as a Director on the Board of any company, what are they there for, except to advise on the financial arrangements of the company—how the finances are to be put in order, how it is going to be run.

I do not mean they will do it, but let us suppose, if the company is short of money and this Director puts in a word to another bank to give it a subsidy or financial support. Will the other bank refuse it? Will the other bank refuse it, when it comes from a person who occupies the highest position in finance in our land? Of course, the bank will feel very reluctant to refuse this financial support. So there is a bit of suspicion of corruption, we do not say corruption, but there is a suspicion that influence is used to get the money. So to keep up the reputation of our Central Bank, it is best even not to make him as a Financial Adviser as was suggested by the Honourable Tuan Kamarul Ariffin, because, as an adviser too he advises on financial matters. It is better for our Government to send in somebody to represent the Central Bank, not so powerful as the Governor or the Deputy Governor, somebody, some expert outside the control of Government. Give the private individuals outside a chance; they may come back with high academic degree to our country and give them a chance to advise these limited companies. Do not let the Government take all the plums from all these positions, I think although this amendment is passed, I do not know the reason, I cannot understand the reason; of course, if we think carefully, I do not advice that that should be done, because there is imputation on integrity, there will be an imputation on the

integrity, of our Central Bank, and I hope the Government will think twice before they do this. Thank you, Sir.

Dato' J. E. S. Crawford: (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di-Pertua, I think some people are under a misapprehension. I think all that the provision is for is that if the Government puts money in companies, which I understand is a possibility, then somebody should be there to represent the Government's money. As I understand the Bill, that is the reason, Sir, Thank you.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, pada dasar-nya saya sangat menyetujui Kerajaan menjalankan sa-suatu projek perniagaan sa-chara langsung, ia-itu yang mengenai dengan kepentingan langsung sa-bagai negara dan ra'ayat atau tidak sa-chara langsung dengan memasokkan sa-bahagian modal dalam sa-barang perusahaan yang mustahak, tetapi sa-belum daripada saya meneruskan perchakapan saya, saya mahu mengulangi rasa dukachita bahawa dalam masaalah kilang peluru yang menjadi masaalah pertama Timbalan Gabenor Bank Negara kita telah di-lantek sa-bagai Pengarah.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah kilang peluru, dia sa-harus-nya dikelolakan sa-ratus peratus oleh Kerajaan sendiri, berlainan dalam soal² lain. Kembali kapada masaalah Rang Undang² ini seperti yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa kita maseh kekurangan ahli² dalam perkara ini. Maka dengan kerana itu sa-suatu hendak-lah di-buat dan Kerajaan telah bertindak melakukannya dengan mengirim Timbalan Gabenor Bank Negara menjadi Pengarah dalam sa-buah firma atau sharikat yang mengusahakan pengeluaran peluru².

Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman saya Gabenor dan Timbalan Gabenor bagi Central Bank atau Bank Negara bagi negara kita ada-lah Ketua Pengawas sesuai dengan tugas Bank Negara atau Bank Pusat itu—bank of the bank dan sa-buah bank yang mempunyai authority, mempunyai kuasa untuk mengeluarkan mata wang bagi negara, maka peranan Bank Negara dan peranan Penguasa Bank Negara itu harus-lah tersendiri dan tidak di-libatkan dengan kemahuan mereka atau dengan arahan Kerajaan di-dalam sa-barang kegiatan² swasta, sebab kegiatan sa-buah sharikat seperti-lah kilang peluru atau sharikat² lain, sa-tiap para pengarah-nya hendak-lah merupakan pengarah² yang aktif

jika mahu kejayaan yang sa-benar²-nya. Memang betul-lah ada sharikat² yang mempunyai sleeping director, pengarah² tidor. Dan di-dalam soal itu apabila Kerajaan masokkan modal dalam sa-barang sharikat tentu-lah manfa'at-nya terlalu besar yang di-harapkan oleh Kerajaan dan ra'ayat negara ini. Maka mengirim orang² yang tidak mempunyai pengetahuan atau pengalaman di-dalam urusan dagang hanya untok ada sa-mata² ada-lah menjadikan sleeping director yang boleh ikut dalam sidang pengarah, tetapi tidak dapat mengetahui dengan dekat dan memahami dengan sunggoh²-nya selok-belok perjalanan sharikat itu. Sa-buah sharikat yang mahu maju kadang² pengarah-nya harus bertumbok dan sanggup menumbok meja kerana memperdebatkan apa yang orang fikir di-luar sa-bagai satu perkara yang sangat kecil yang mereka sanggup bertumbok, kerana hasil kekerasan dalam perbinchangan mereka itu mungkin menentukan nasib jatoh atau bangun-nya sharikat² itu. Barang² yang di-keluarkan oleh satu perkilangan perusahaan jika director itu lemah dalam menentukan bagaimana chara memasar-nya dan bagaimana quality-nya dan bagaimana dalam menghadapi competition dengan yang lain² yang menanggung kerugian ia-lah sharikat itu dengan chara Kerajaan memasokkan saham. Erti-nya ra'ayat ikut serta membiayai modal sharikat itu, maka kerugian atau keuntongan yang sedikit yang bakal di-terima terlibat sama Kerajaan, erti-nya terlibat sama ra'ayat seluruh-nya.

Pada hemat saya apa yang telah di-kemukakan sa-bagai satu pandangan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan pun dapat juga di-laksanakan oleh Kerajaan ia-itu mengirim wakil² dari Treasury sa-bagai langkah awal. Akan tetapi sa-kira-nya Kerajaan dapat mempunyai satu dasar yang lebih luas adalah lebih baik di-fikirkan memilih dan menunjok sa-barang orang daripada warga-negara Malaysia yang telah mempunyai pengalaman sedikit sa-banyak yang mahu melaksanakan tugas-nya dengan penoh tanggung-jawab dan amanah, sa-kali pun dia bukan pegawai Kerajaan, asal sahaja dia warganegara Malaysia, sa-kali pun dia anggota parti politik yang lain daripada parti pemerintah, kalau dia mempunyai kebolehan dan boleh di-perchayai patut di-tunjuk dan di-lantek dudok di-dalam sa-barang sharikat², yang mana Kerajaan meletakkan saham sa-bahagian di-dalam-nya. Kerana ini soal inter-national sama juga seperti kita mengirim

Duta ka-luar negeri, kerana menghadapi masaalah international kita pun tahu banyak negeri² lain seperti kita juga kekurangan ahli² diplomat, kadang² terpaksa di-kirim sa-orang ahli daripada parti Pembangkang. Kadang² niat di-kirim itu bukan kerana niat hendak meletakkan Duta, tetapi hendak mengurangkan kekacauan dalam negeri. Erti-nya kalau dia keluar jadi Duta kurang kachau dalam negeri. Jadi itu biasa di-amalkan walau pun dengan motive yang bersendirian, tetapi dalam soal ini saya kira tidak macham itu. Kalau ada orang² daripada warganegara yang dapat di-perchayai yang tidak mempunyai interest (kepentingan) dalam sharikat itu, maka patut Kerajaan menunjok, melantek orang seperti itu mewakili Kerajaan dan jangan terlalu lama, tempoh-nya jangan di-ulang lantek sa-mula—lantek sa-mula—harus di-beri tempoh yang menasabah supaya dapat di-kawal dan dengan jalan itu saya rasa masaalah kekurangan orang² yang patut dan layak untuk di-kirim itu dapat di-atasi.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan pada fikiran saya memang sudah tepat pada rancangan Kerajaan itu ia-itu sa-tahu saya berkenaan dengan sharikat peluru ini ia-lah modal dari Kerajaan dan juga modal dari sharikat kebangsaan. Maka sudah tepat-lah perlantikan Kerajaan itu kalau Gabenor atau Timbalan Gabenor, dan ini ada satu syarat lagi jika kita bacha di-sini dengan kelulusan Menteri. Apa yang kita susahkan. Pada pendapat saya perkara ini perkara kecil dan pendapat saya ini sudah tepat ia-itu modal dari Kerajaan dan modal dari sharikat kebangsaan. Itu-lah sahaja dan saya menyokong usul ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan Ahli² Yang Berhormat dan juga pandangan² daripada Ahli² Yang Berhormat sakalian.

Pandangan Yang Berhormat dari Tuan Kamarul Ariffin supaya lantekan Kerajaan di-dalam badan² Kerajaan mempunyai saham ini jangan-lah di-bataskan kepada Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara sahaja. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, memang ini-lah yang berjalan sekarang, tetapi mengikut undang² atau pun Ordinan Bank Negara Malaysia yang dahulu Gabenor dan Timbalan Gabenor tidak di-bolehkan memegang. Jadi erti-nya dua orang pegawai penting

di-dalam Kerajaan Malaysia yang di-kechualikan daripada boleh memegang jawatan. Jadi Rang Undang² (Pindaan) yang ada dihadapan kita ini sa-lain daripada melantek boleh melantek pegawai² kerajaan dan juga orang² lain juga membolehkan Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara memegang jawatan di-dalam sharikat² yang Kerajaan ada mempunyai saham. Jadi apa yang di-shorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, itu-lah yang berlaku sekarang dan itu-lah yang di-buat oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Nik Hassan berkata kurang baik melibatkan Bank Negara di-dalam perdagangan². Yang sa-benar-nya Kerajaan melantek sa-saorang pegawai itu untuk dudok di-dalam sa-sabuah sharikat itu atau pun di-dalam lembaga pengarah sa-sabuah sharikat itu telah di-timbang dengan sa-baik²-nya. Jika di-fikirkan kedudok Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara ini akan melibatkan Bank Negara atau pun menyebabkan dia menggunakan kuasa-nya yang menimbulkan kekeliruan, maka perlantikan itu tidak-lah di-buat. Dan bukan-lah juga tujuan Kerajaan hendak melantek Gabenor dan Timbalan Gabenor ini ka-dalam tiap² badan yang Kerajaan ada mempunyai saham, sa-bagaimana yang telah di-terangkan dalam ucapan saya tatkala mengemukakan Rang Undang² ini tadi Yang Berhormat Dato' Dr Cheah Toon Lok menyatakan juga kebimbangan-nya ia-itu Gabenor dan Timbalan Gabenor akan menggunakan kuasa-nya, atau pun pengarah-nya mempe-ngarohi bank² perdagangan yang lain dalam memberi pinjaman² dan sa-bagai-nya. Jadi perkara ini tidak-lah timbul.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr Cheah Toon Lok berkata dan saya minta kebenaran menjawab dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) The Honourable Dato' Dr Cheah Toon Lok said that he could not understand the reason for this Bill. Mr President, Sir, I explained the reason in my speech—although the explanation was given in Bahasa Malaysia—and I know that the Honourable Member understands Bahasa Malaysia and I assume that he understands well Bahasa Malaysia. Therefore, when he said that he could not understand the reason, I cannot understand why he cannot understand. *(Ketawa)*.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: You see, it is stated here "to be appointed a director of any company". I cannot understand the

reason for "any company" here. He explained one company only, but here it is "as a director of any company". That is why I cannot understand it.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: This provision is just to enable the Government to appoint the Governor or Deputy Governor, but the Government is not going to appoint either one of them or both of them to all the companies.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Amaluddin bin Darus berkata ia-itu Kerajaan jangan-lah melantek Gabenor, Timbalan Gabenor juga sahaja kadalama Lembaga² Pengarah² termasuk juga Pegawai² Kerajaan bahkan orang² awam juga.

Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan melantek nominee dalam badan² yang Kerajaan ada saham, bukan sahaja Pegawai² Kerajaan, tetapi termasuk-lah orang² awam yang di-fikirkan sesuai, yang di-fikirkan patut, berdasarkan pengetahuan-nya, pengalaman-nya dan sa-bagai-nya. Chuma, kalau hendak melantek orang² awam yang terdiri daripada parti² Pembangkang, parti PAS mithal-nya, ini suatu soal yang sulit, sebab dari segi polisi-nya, parti Pembangkang sumpama PAS ini bertentangan dengan dasar parti yang memerintah—Kerajaan. Jadi, bagaimana-kah hendak Kerajaan memperchayai tokoh² atau pun orang² yang di-dalam parti Pembangkang untuk menjalankan dasar Kerajaan parti yang memerintah. Sebab itu-lah sangat sulit untuk Kerajaan hendak melantek tokoh² parti Pembangkang, parti PAS mithal-nya, untuk dudok di-dalam badan² perniagaan yang Kerajaan ada saham, sebab Kerajaan bimbang bahawa tokoh² parti Pembangkang ini akan satbotage polisi Kerajaan, tetapi jika sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu ingin hendak dudok, saya suka-lah mengeshorkan kalau hendak dudok-lah, hendak di-lantek dalam badan² ini, sila-lah timbangkan untuk menyeberang masuk Perikatan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, sekian-lah sahaja.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) No. (2)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ini ia-lah untuk membenarkan:

- (a) keluaran satu matawang peringatan dengan dinominasi \$5 dari cupronickel dan juga \$100 dari emas bagi memperingati persaraan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sa-bagai Perdana Menteri, Malaysia; dan
- (b) Bank Negara Malaysia menggunakan dari masa ka-semasa kemudahan² membiayai stok penimbal dari Kumpulan Wang Antarabangsa dan untuk menyediakan kepada Kerajaan wang dari kemudahan tersebut dan segala wang tambahan yang di-perlukan untuk membiayai sumbangan² kepada stok penimbal yang akan di-dirikan dibawah Perjanjian Timah Antarabangsa yang Keempat.

Ada-lah di-chadangkan matawang peringatan \$5 dan \$100 di-keluarkan pada 30hb Ogos yang akan datang, menjelang Hari Kebangsaan Malaysia. Ordinan Bank Negara Malaysia membenarkan duit di-aku² sa-bagai matawang sah setakat \$10 sahaja. Oleh kerana duit emas \$100 juga di-chadangkan supaya di-jadikan wang sah, maka perlu-lah Sekshen 24 (2) Ordinan Bank Negara Malaysia di-pinda. Menurut peruntukan Sekshen 24 (2) yang ada sekarang, duit dengan dinominasi 50 sen atau lebeh di-aku² wang sah jika jumlah-nya tidak melebehi \$10, dan bagi duit dengan dinominasi yang lebeh rendah, sa-takat jumlah yang tidak melebehi \$2. Ada-lah di-chadangkan bahawa duit dengan dinominasi yang lebeh dari \$1 di-jadikan wang sah bagi pembayaran sa-berapa banyak pun, manakala duit yang dinominasi 50 sen dan \$1 untuk pembayaran yang jumlah-nya tidak melebehi \$10 dan duit dengan dinominasi kurang daripada 50 sen untuk pembayaran yang berjumlah kurang daripada \$2.

Kemudahan² Membiayai Stok Penimbal

Ada-lah di-chadangkan bahawa Malaysia patut menggunakan kemudahan² membiayai stok penimbal yang di-sediakan oleh Kumpulan Wang Antarabangsa bagi negara² ahli untuk membiayai sa-bahagian daripada sumbangan mereka kepada stok penimbalaan barang antarabangsa. Untuk membolehkan Malaysia menggunakan kemudahan ini, adalah perlu peruntokan² tertentu bagi tujuan ini di-masokkan ka-dalam Ordinan Bank Negara Malaysia. Oleh itu, ada-lah di-chadangkan Sekshen 30 (1), Ordinan Bank Negara Malaysia di-pinda untuk membolehkan Bank Negara Malaysia :

- (a) menggunakan kemudahan² membiayai stok penimbal Kumpulan Wang Antarabangsa dan dari itu menyediakan kepada Kerajaan wang dari kemudahan tersebut dan segala wang tambahan yang di-perlukan untuk membiayai sumbangan Malaysia kepada sa-barang stok penimbal yang Malaysia menjadi ahli; dan
- (b) menchipta dan mengeluarkan kepada Kumpulan Wang Antarabangsa apa sahaja surat nilai yang tidak boleh di-niaga atau lain² obligasi dalam bentuk yang sesuai yang mungkin di-kehendakki oleh Kumpulan Wang berkaitan dengan perhubungan Malaysia dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I wish to ask for an explanation about this Act, Central Bank of Malaysia (Amendment) (No. 2) Bill, Clause 2 (a) (b) and (c). There are many people living in this country who are hawkers. They collect more coins than what is stated in the Enactment and when they wish to pay them into the bank and if the bank accepts them the bank has got to pay to Bank Negara. With this Enactment, these poor hawkers cannot pay the coins into the bank. The bank will not accept this money beyond a certain amount. And if the banks were to accept this money and pay into the Bank Negara, the Bank Negara says we can accept so much only, not beyond a certain amount. I want to know whether the thing is a fact or not, if the Enactment were to come into effect.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas. What type of money the Honourable Member meant?

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Mr President, Sir, I quote the relevant Clause—

“(a) for the payment of any amount in the case of coins of the denomination exceeding one dollar”;—it cannot exceed one dollar

“(b) for the payment of an amount not exceeding ten dollars in the case of coins of the denomination of fifty cents and one dollar” and

“(c) for the payment of an amount not exceeding two dollars in the case of coins of the denomination of less than fifty cents”.

All these poor hawkers are collecting the coins. Can they pay it into the bank or not? Will they be willing to accept it as legal tender? I want to know.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, these coins are legal tender. So when the hawkers or small traders collect these coins, they can deposit them in commercial banks.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Sir, sometimes when even notes that are a bit torn are sent to Bank Negara, Bank Negara hands them back to the bank—I have been informed. They say, “Well, these notes are bad”. When some old notes are sent to the Bank Negara to be changed, Bank Negara would say, “Well, the notes are old, they cannot be changed” and hand them back to the bank. I hope that the Minister will check up the facts that I have stated.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Mr President, Sir, with regard to the old notes, as long as these notes are still legal tender, these notes will be collected back by Bank Negara and they are destroyed and the owners will be issued with new notes. In fact, Mr President, Sir, Bank Negara keeps on withdrawing old notes from circulation even if they are not completely spoilt yet and these old notes are destroyed by Bank Negara and in their place new notes are being circulated. So the points raised by the Honourable Member do not arise.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PINJAMAN (STOK PENIMBAL TIMAH ANTARABANGSA)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta ini ia-lah untuk membolehkan Kerajaan meminjam sa-hingga \$92 juta untuk membiayai Stok Penimbal Timah Antarabangsa yang Ke-empat yang mana Malaysia ada-lah sa-buah negara yang menanda tangani-nya. Satu Kertas Puteh tentang perkara ini bersama² dengan satu salinan Perjanjian Timah Antarabangsa yang Ke-empat telah pun di-kemukakan untuk Ahli² Yang Berhormat.

Perjanjian Timah Antarabangsa yang Ke-empat ini mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1971 dan dengan itu Akta ini akan di-kuatkuasakan mula² dari tarikh tersebut itu. Rang Undang² ini tidak dapat di-bentangkan dalam Persidangan yang lalu oleh kerana Perjanjian Timah Antarabangsa yang Ke-empat ini belum lagi di-sahkan.

Di-bawah peruntukan Perjanjian yang Ke-empat, tiap² sa-buah negara pengeluar di-kehendaki membuat sumbangan kepada Stok Penimbal Timah yang berseimbangan dengan bahagian-nya dalam keseluruhan hak² mengundi, dan keseluruhan hak² mengundi meliputi 20,000 tan logam timah yang di-nilaikan atas harga lantai atau floor price sa-banyak £1,350 satu metrik tan. Malaysia memileki 45.02% daripada keseluruhan undi negara² pengeluar dan di-atas dasar ini sumbangannya ia-lah kira² £12,155,400. Walau bagaimana pun, untuk membuat peruntukan bagi keadaan² yang ta' di-duga² dalam mengendalikannya Stok Penimbal yang Ke-empat ini, Akta ini meminta persetujuan untuk meminjam sa-banyak £12,500,000 atau \$92,000,000.

Ada-lah di-chadangkan bahawa pinjaman itu akan di-adakan oleh Bank Negara Malaysia. Di-sebalek itu pula, Bank Negara akan mengeluarkan simpanan emas-nya dari Kumpulan Wang Antarabangsa sa-banyak US\$4.4 juta dan sa-bahagian dari emas Malaysia yang bernilai 2/3 dari sumbangan Malaysia kepada Stok Penimbal Timah Antarabangsa. Segala kekurangan akan di-biaya² dari sumber² Bank Negara sendiri.

Pinjaman yang di-buat oleh Kerajaan di-bawah Akta ini akan di-bayar dari pungutan chukai cess yang di-kenakan ka-atas bijeh timah padat yang di-keluarkan oleh pelombong² dalam negeri. Apabila terubur-nya Stok Penimbal ini, hasil-nya akan di-bahagi²kan kepada pelombong² yang berkeajaan.

Tujuan Fasal 4 Akta ini ia-lah untuk membuat peruntukan bagi jurang masa antara pungutan chukai cess dan pembayaran pinjaman yang sa-benar-nya.

Keterangan² sa-lanjut-nya ada di-nyatakan dalam Kertas Puteh dan dalam Perjanjian Bijeh Timah Antarabangsa.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 6 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² CHUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 2)

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mehadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Chukai Pendapatan, 1967 di-bacha bagi kali kedua-nya.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memasokkan dalam satu undang² yang kekal, akan pindaan² yang di-lakukan atas Akta Chukai Pendapatan, 1967 sa-masa Dharurat dahulu. Pindaan² ini membetulkan beberapa keganjilan yang di-dapati, memudahkan urusan chukai di-bawah Akta tersebut dan membuat perubahan² yang di-fikirkan perlu akibat rayuan² yang telah di-terima.

Peruntukan² yang ada sekarang ini berkenaan dengan chukai atas pendapatan yang di-perolehi dari penggajian ada-lah diperluaskan lagi untuk meliputi (a) bayaran yang di-terima oleh pengarah² dan saraan yang sa-rupa yang di-terima oleh sa-saorang pengarah yang tidak bermastautin daripada sharikat yang bermastautin di-Malaysia dan (b) saraan yang di-terima oleh sa-saorang yang bekerja di-kapal atau kapal terbang kepunyaan pengusaha² yang bermastautin di-Malaysia yang menjalankan perkhidmatan antarabangsa.

Mulai daripada tahun taksiran 1970, jika sa-orang isteri telah meninggal dunia di-dalam tahun asas bagi tahun taksiran tersebut dan sa-belum kematian itu kedua² suami dan isteri itu telah tinggal bersama² dan bermastautin di-Malaysia maka jumlah pendapatan² suami dan isteri itu tidak akan di-satukan bagi tahun taksiran yang berikutan dengan tahun berlaku-nya kematian isteri tersebut. Ini bertujuan untuk membetulkan keganjilan yang ada sekarang. Oleh yang demikian taksiran yang berasingan akan dikenakan atas suami dan isteri tersebut di-dalam tahun yang berkenaan dan elaun bagi isteri untuk tahun taksiran yang di-beri dalam tahun asas di-mana berlaku-nya kematian isteri itu akan di-bahagikan mengikut chara yang di-gunakan bila suami dan isteri telah bercherai.

Jika sa-saorang itu tidak membuat suatu penyata chukai pendapatan atau tidak memberi kenyataan yang ia-nya boleh di-kenakan chukai atau telah membuat suatu penyata yang tidak betul mengenai pendapatan-nya, atau telah membuat kesalahan yang sa-rupa ini di-bawah Ordinan Chukai Pendapatan yang dahulu bagi tahun atau tahun² yang mana pun, maka ia di-benarkan sekarang membuat suatu perjanjian sa-chara bertulis dengan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri atas pembayaran yang perlu di-jelaskan-nya termasuk chukai yang hilang serta juga bayaran untuk meliputi denda yang di-kenakan kerana kesalahan² itu. Di-mana perjanjian

yang saperti ini telah terchapai maka Ketua Pengarah boleh membuat taksiran yang di-satukan atau "composite assessment" dan mengeluarkan suatu notis penaksiran yang di-satukan kepada orang itu. Tetapi orang itu tidak akan di-beri hak untuk merayu terhadap taksiran itu. Sekshen yang baharu ini bertujuan untuk menyediakan suatu jalan bagi mengutip chukai dan denda² yang kena di-bayar di-bawah syarat² penyelesaian duli² kebelakangan berikutan dengan penyiasatan mengelakkan chukai.

Tuan Yang di-Pertua, denda yang di-kenakan atas kesalahan² kechil saperti yang dinyatakan dalam sekshen 120 Akta tersebut akan sekarang di-tukar kepada bayaran denda yang tidak melebihi \$1,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua²-nya sa-kali. Ada-lah di-fikirkan bahawa jika denda² ini tidak mengandongi kemungkinan untuk di-hukum penjara maka pembayar chukai akan terus tidak mengindahkan permintaan² untuk ma'alumat atau penyata² dan dengan chara demikian melambatkan penaksiran dan kutipan chukai.

Rang Undang² ini juga memberi kelelasan² yang lebeh lanjut lagi kepada perusahaan kebun dan perusahaan² membalak dengan chara mengurangkan lagi tempoh masa bagi penghapusan (write-off) daripada 10 tahun kepada 5 tahun bagi perbelanjaan mendirikan rumah² untuk kebajikan atau kediaman pekerja² yang bukan dalam golongan pentadbir.

Sharat² di-dalam mana sa-saorang itu berhak mendapat kredit Sabah, Sarawak atau Malaysia Barat di-bawah Perintah (Peruntukan Peralehan) Chukai Pendapatan 1968, akan sekarang di-perluaskan lagi untuk meliputi kechachatan terok yang akan menghalang sa-saorang itu daripada bekerja, dengan syarat ia tidak mempunyai dan tidak ada kemungkinan mempunyai pendapatan dari perniagaan. Sa-saorang itu akan juga berhak untuk mendapat kredit ini jika pendapatan-nya ia-lah hanya dari penchen yang di-terima dalam Malaysia. Menchapai umur 55 tahun sa-lepas 31hb Disember, 1967 akan juga sekarang di-jadikan suatu syarat untuk membolehkan sa-saorang itu mendapat kredit. Oleh kerana umur bagi sa-saorang pegawai yang di-kehendakki bersara daripada perkhidmatan awam telah di-rendahkan daripada 65 hingga ka-55 tahun maka ada-lah di-fikirkan patut had umur bagi bayaran kredit itu juga di-turunkan kepada 55.

Memandang bahawa sa-bahagian besar ekonomi negara ini bergantung kepada pertanian maka dengan tujuan untuk menggalakan kechukupan keperluan sendiri dalam perkara barang² makanan dalam negeri adalah di-chadangkan bahawa elaun susutan diberi kepada kolam² ikan, bangunan² ladang/kebun, kandang² binatang, rumah² ayam, rumah² untuk tanaman (green house) dan perigi². Suatu perintah berasingan akan dikeluarkan untuk menentukan kadar² elaun ini.

Sebab² bagi pindaan² yang tidak di-sentuh di-dalam ucapan ini ada di-sebutkan di-dalam Huraian di-hujung Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa. Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² CHUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Chukai Pendapatan Tambahan, 1967 di-bacha bagi kali kedua.

Rang Undang² ini bertujuan untuk memasokkan pindaan² yang di-buat kepada Akta Chukai Pendapatan, Tambahan, 1967 di-bawah Ordinan No. 47 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 itu ka-dalam Undang² yang kekal.

Pindaan² kepada sekshen 10, 15 dan 18 dalam Akta itu telah di-buat berbangkit daripada pindaan yang di-buat kepada sekshen

45 dan 47 Akta Chukai Pendapatan, 1967 oleh Ordinan No. 38 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 (yang peruntokan²-nya ada-lah dimasukkan dalam undang² yang kekal dalam Rang Undang² yang berasingan). Pindaan² ini mengadakan peruntokan supaya pendapatan sa-saorang balu di-taksir sa-bagai pendapatan sa-orang perempuan yang tiada suami bagi tahun taksiran yang berikutan dengan tahun suami-nya bagi tahun taksiran yang berikutan dengan tahun suami-nya meninggal dunia. Dalam lain² perkataan bagi peneanaan chukai pendapatan, chukai keuntongan bijeh timah, chukai pembangunan dan chukai keuntongan perkayuan, pendapatannya tidak akan di-champorkan dengan pendapatan suami-nya bagi tahun itu.

Sa-lain daripada itu pindaan juga di-buat kepada sekshen 18 dalam Akta untuk mengadakan peruntokan bahawa jika sa-saorang itu tidak pada biasa-nya bermastautin bagi tahun asas bagi tahun taksiran, puncha² pembangunan-nya bagi tahun taksiran itu ada-lah mengandongi puncha² yang pendapatan atau kerugian di-dapati daripada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² CHUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN) (No. 2)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan bahawa

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Chukai Pendapatan Tambahan, 1967 di-bacha bagi kali yang kedua.

Ahli² Yang Berhormat barangkali maseh ingat bahawa dalam ucapan Belanjawan Menteri Kewangan pada 22hb Disember, 1970 beliau telah mengumumkan beberapa kelepasan cukai kepada persaorangan dan persatuan² perdagangan berkenaan dengan cukai pembangunan dan ini ada-lah seperti berikut:

- (i) Bagi sa-saorang yang tidak berkongsi dalam satu perniagaan perkongsian had pengechualian di-naikkan daripada \$2,000 kepada \$3,000 sa-tahun;
- (ii) Bagi sa-saorang yang bekerja dalam sa-suatu perniagaan perkongsian had pengechualian di-naikkan daripada \$1,000 kepada \$2,000 sa-tahun;
- (iii) Bagi persatuan perniagaan minima cukai pembangunan sa-banyak \$100 dihapuskan.

Tujuan Rang Undang² Chukai Pendapatan Tambahan, 1967 sekarang di-hadapan majlis ini ia-lah untuk meminda Akta Chukai Pendapatan Tambahan, 1967 bagi menaikkan had² pengechualian yang tersebut tadi dan menghapuskan cukai pembangunan minima sa-banyak \$100 sa-tahun itu yang di-kenakan kepada persatuan² perniagaan. Kelepasan² ini berkuat-kuasa bagi tahun taksiran 1971 dan tahun² taksiran yang kemudian-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' S. O. K. Ubaidulla: (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di-Pertua, I welcome this Bill wholeheartedly. While I welcome this Bill, I have an appeal to make to the Honourable Minister. Ever since development tax was imposed under the Income Tax Ordinance, as we all know, a sum of \$100 was imposed as the minimum development tax on all trade associations. This caused a considerable hardship to many small trade associations. Some of the small trade associations had hardly saved \$50 on the whole year but yet they were called upon to pay \$100 as minimum development tax. Of course, they all paid and complied with the rule. Many of the small trade association officers had to pay it from their pocket. Sir, I would request the Honourable Minister to be kind

enough to refund such sums of development tax collected if those associations who have been hard-hit were to make an appeal to him.

Sir, I would like to go a little beyond and take this opportunity to request the Honourable Minister to re-examine the principle of collecting income tax from trade associations. Tan Sri Yang di-Pertua, there are two types of trade associations in our country. The first category is the one that functions as a welfare body. The subscriptions these bodies collect are used for the day-to-day maintenance and management of the associations. If they have saved any, such savings are used for public activities that can be considered as a contribution to the welfare of the society and promotion of national interests. For example, Tan Sri Yang di-Pertua, I may give the instance of a Chamber of Commerce. A portion of the subscriptions they collect is used for the expenditure of the maintenance and management of the office. The remaining portion is spent in receiving trade delegations from foreign countries and entertaining them. From this money, they also pay subscriptions to international bodies.

Tan Sri Yang di-Pertua, when bodies like Chambers of Commerce are made to pay income tax and development tax, it makes them shrink their welfare and promotion activities which they are doing now on behalf of the country. In all fairness, the Government must see its way to give them a grant to run the Chambers of Commerce without financial deficiency to project the image of the country internationally. Sir, I am not propounding a philosophy which is peculiar. As a matter of fact, this is being done by many developed countries. Developed countries like Germany, Japan and Holland raise a chamber levy from the taxpayers and this chamber levy is in return given to the Chambers of Commerce, so that they may have a really first-class organisation where they can do research, where they can do communication and have all other facilities to receive, entertain and look after international trade delegations. This is being done by many developed countries where commerce and trade have fully developed; we are only a developing country.

Sir, on the contrary, our Government is collecting income tax from Chambers of Commerce. Instead of helping them with a chamber levy, they are collecting income tax

from them as if the Chambers of Commerce are profit-making bodies. This is a matter that should receive the consideration of the Honourable Minister of Commerce and Industry in the interests of the nation.

I earnestly appeal to the Honourable Minister to abolish collecting income tax from the trade associations *that are engaged* in the development of commerce and industry and promotion of export. I would like to point out here that Trade Unions are exempted from income tax. Looking factually, Tan Sri Yang di-Pertua, there is not much of a difference functionally between Trade Unions and Chambers of Commerce, they are all welfare bodies. The members of the Chambers may be taxable unlike the members of the Trade Unions, but just because of this reason the Chambers should not be penalised. The members of the Chambers will pay their income tax, but the Chambers is a welfare body in the interest of the nation. Of course, there is the other category of Trade Associations that engage in business—they trade, they buy, they sell, they invest—these are all bodies that are all involved in business and they make profit. They should be called upon to pay income tax and development tax.

So, Sir, as a result may I appeal to the Honourable Minister to draw a distinction. It is very easy for the Income Tax Department to draw a distinction. They can call for their accounts every year and decide whether they are to be exempted or not; let them not be given a blanket permission. There must be a distinction between Trade Associations that are engaged in business and Trade Associations that are merely welfare bodies. If income tax exemption were to be given to the Trade Associations that are engaged in the welfare activities of this country—in fact the work that the Government should do, they are doing—these organisations should be part and parcel of the country. We being a democratic country, we do not do so. If these Trade Associations were to be exempted from income tax, they will do more service to this country and they will promote export and project the image of the country beyond the borders of Malaysia. This is my appeal. Tan Sri Yang di-Pertua.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, the Honourable Member requested for the refund of the development tax that has been collected from small

businessmen, hawkers and so on. Mr President, it is really very difficult for the Government to refund the taxation that it has collected because the Government has spent this money for various purposes, including paying the allowance of our Senators. (*Ketawa*).

Mr President, Sir, on the question of giving income tax exemption to the Chambers of Commerce, I agree with some of the reasons and points raised by the Honourable Member. But if the Government wants to give exemption to the Chambers of Commerce based on the fact that the Chambers of Commerce are non-profit making, we have got thousands and thousands of other non-profit making bodies in this country and they are doing good work for this country. So it is very difficult for the Government to consider giving income tax exemption to Chambers of Commerce alone. No doubt, Mr President, Sir, the Chambers of Commerce do not make profits as such, but the activities of the Chambers of Commerce also bring more income to their members, so it is only fair that the members of the Chambers of Commerce contribute to their organisation, so that individually as businessmen, as industrialists, they get their profit or benefit as a result of the activities of the Chambers of Commerce.

Dato' S. O. K. Ubaidulla: Sir, I entirely agree with the Minister. All those Chamber activities bring their members more business and give them more profit in their companies, for which they pay income tax—this is the distinction.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Mr President, Sir, on the first argument I have replied—that if the Government wants to give income tax exemption to Chambers of Commerce, I reminded the Honourable Member just now that there are thousands of other non-profit making organisation in the country. That was my reply to the first point. My reply to the second point was that Chambers of Commerce are doing good to the country and so on, but the members of the Chambers of Commerce get profit or benefit by the other way round, that means by doing more business, by bringing more business to the country, they make more money and so it is only fair that they contribute something and they sacrifice something, because in the end they also benefit.

On the question raised by the Honourable Member that by helping the Chambers of

Commerce, the Chambers of Commerce can help the country by promoting exports and so on, Mr President, Sir, the Government has been assisting the industries in this country and helping them to promote their exports by other means, by giving various incentives for them to export their products, which I do not intend to elaborate here. That is all.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua, *mempengerusikan mesuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) (No. 2) EKSAIS

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Eksais, 1961 di-bacha bagi kali kedua-nya.

Tujuan Rang Undang² ini, saperti tersebut dalam Huraian ia-lah untuk meminda Akta Eksais, 1961 dengan memasokkan satu peruntukan baru sa-lepas sekshen 83, yang mana akan membenarkan Ketua Pengarah Kastam membayar hadiah² kepada orang² yang memberi perkhidmatan untuk merisik kesalahan² berthabit dengan pengelakkan chukai eksais atau kesalahan² undang² eksais. Ada-lah di-perhatikan bahawa pemberian hadiah² boleh mendatangkan ma'alumat yang lebeh banyak daripada orang ramai dan oleh itu memberi pertolongan yang besar untuk mendapatkan kesalahan² yang berkenaan. Peruntukan baru ini yang akan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Mach, 1962 akan menyelaraskan Akta Eksais, 1961 dengan Akta Kastam, 1967 dan juga Ordinan² Eksais bagi Negeri² Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Dato' J. E. S. Crawford: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, in rising to support the Bill, I think it involves a good principle, Sir, but one thing that strikes me as rather extraordinary is that it provides that "The Comptroller-General may order such rewards as he may deem fit to be paid to any excise officer or other person . . .". "Other person" I understand; but "excise officer", otherwise the kakitangan, somebody who is employed to do the job who is paid and gets a reward in addition, is a rather unusual principle. So, I ask for a clarification from the Honourable Minister. I know that this is in line with the Customs Act, but it does strike me as a rather extraordinary provision that an officer who is paid to apprehend people for smuggling, etc., is paid a reward if he catches them. Thank you, Sir.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, the explanation is quite simple, because this provision will enable the Director-General (Comptroller-General) of Customs to give reward even to customs or excise officers. As we know, customs or excise officers are not always on duty; sometimes they might be off-duty and sometimes they might be working in some other branches which have no connection with smuggling. So in order to encourage these officers to do their best beyond their normal official requirements, in order to give them an incentive to do something extra beyond their normal duties, the Government would like the Director-General (Comptroller-General) of Customs to have power to give rewards to them as well.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit kepada pertanyaan Dato' Crawford itu sa-telah di-terangkan ia-itu tujuan pemberian hadiah itu ia-lah kepada Pegawai Kastam barangkali yang tidak ada dalam masa tidak menjalankan tugas. Pegawai² Kastam banyak gulongan, banyak perengkat. Ada Pegawai Kastam yang bekerja sa-bagai penchegeh penyeludupan, ada Pegawai² Kastam yang menjaga sa-bagai pegawai di-sempadan² negara kita ini. Jadi maksud Pegawai Kastam yang di-katakan akan diberi hadiah itu ada-kah ka-semua sa-kali Pegawai Kastam. Apa yang saya bimbang-nya bagini, takut semua kita beri hadiah kepada Pegawai Kastam nanti Pegawai Kastam itu dia hendak dapat hadiah itu dia nanti buat apa sahaja frame, apa sahaja chara-nya untuk menjayakan kerja-nya itu

supaya dapat hadiah. Jadi kalau Pegawai Tinggi Kastam, umpama-nya, saya Pegawai Tinggi Kastam benda yang tidak boleh lekat tidak berupa satu kesalahan, saya boleh berpakat dengan Pegawai Kastam yang lain kita framekan supaya jangan lekat supaya dapat hadiah, takut jadi begitu. Jadi ini ada-kah satu² chara dan kaedah untuk memberi hadiah itu tidak-lah boleh di-katakan beri hadiah dengan senang begitu sahaja kepada siapa juga Pegawai Kastam yang boleh memegang satu² case. Itu pertanyaan lanjut daripada saya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara yang macham itu tidak timbul, sebab apabila hendak mengeluar-kan hadiah oleh Ketua Pengarah Kastam terlebih dahulu di-siasat dengan teliti patut atau tidak di-beri. Jika sa-kira-nya terdapat pegawai² berpakat, perkara itu tentu-lah akan di-ambil tindakan oleh Badan Penchegeh Rasuah.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

PENANGGOHAN MESHUARAT (Usul)

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 11, apabila tamat meshuarat hari ini, Majlis Dewan Negara hendak-lah di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang hari Ithnin, 9hb Ogos, 1971.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa menurut Peratoran Meshuarat 11, apabila tamat meshuarat hari ini, Majlis Dewan Negara hendak-lah di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang hari Ithnin, 9hb Ogos, 1971.

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1970)

Bachaan Kali Yang Kedua

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 Rang Undang² ini memberi kuasa bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak \$15,123,998 untuk perkhidmatan tahun 1970, dan jumlah ini ada-lah di-tunjokkan dalam Jadual Rang Undang² itu dan juga dalam bahagian Perbelanjaan Bekalan di-dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga Tahun 1970 yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 31 tahun 1971. Daripada jumlah yang di-pohonkan untuk perbelanjaan tambahan ini, maka sa-banyak \$4,995,847 telah pun di-dahulukan daripada Kumpulan Wang Perbelanjaan Luar-Jangka untuk perbelanjaan segera dan jumlah ini kena di-ganti balek kepada Kumpulan Wang itu. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat perhati daripada jumlah \$16,555,446 yang dimasukkan dalam tambahan ini, sa-banyak \$1,431,448 ada-lah di-perlukan untuk perbelanjaan yang telah di-tanggohkan ka-atas Kumpulan Wang Yang Di-Satukan (charged expenditure), yang mana jumlah-nya tidak di-masokkan dalam Rang Undang² Perbekalan Tambahan ini. Butiran² perbelanjaan "tanggongan" ini ada-lah di-terangkan dengan sepenoh-nya di-muka 3 dan 4 dalam Kertas Perintah 32 Tahun 1971.

Anggaran Belanja Mengurus tahun 1970 yang asal di-luluskan oleh Menteri Kewangan mengikut sekshen 3, Ordinan No. 3 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969 berjumlah \$2,282.2 juta. Di-champor kedua²-nya, ia-itu perbelanjaan "Bekalan" dan "Tanggongan" dalam tambahan yang lalu dan sekarang, jumlah peruntokan bagi tahun 1970 menjadi \$2,364.2 juta. Akan tetapi perbelanjaan sa-benar-nya ada-lah dalam lengkongan \$2,220 juta.

Di-antara perbelanjaan² bekalan dalam tambahan ini, jumlah yang terbesar sa-kali ia-lah mengenai Kepala B. 17—Pemberian dan Pemberian Bantuan Pelajaran yang memerlukan wang sa-banyak \$9.51 juta yang mana \$9.5 juta ia-lah kerana menampung kekurangan untuk pemberian kepada sekolah² rendah, dan \$14,252 ada-lah sumbangan Malaysia kepada Instituit Pelajaran Tinggi dan Pembangunan bagi Asia Tenggara di-Singapura.

Kepala B. 21—Perkhidmatan Am Perbendaharaan, memerlukan tambahan sa-banyak \$3,904,639 yang \$2,650,000 daripada-nya ia-lah untuk pinjaman kepada Kerajaan² Negeri Kelantan (\$2.4 juta) dan Perlis (\$250,000). Bantuan kerana chukai Tempatan kepada Lembaga² Tempatan memerlukan \$500,000 pemberian bagi jalan raya kepada Perbandaran² dan Majlis² Bandaran memerlukan \$354,639 dan baki sa-banyak \$400,000 ia-lah untuk tambahan kepada peruntukan perkhidmatan rahsia.

Kepala B. 33—Penjara, memerlukan wang sa-banyak \$628,151 yang \$508,151 ia-lah untuk pembayaran tunggakan gaji kepada pegawai² Bahagian IV terbit daripada pelaksanaan sekim gaji Surohanjaya Suffian yang di-kuatkuasakan pada 1hb Mei, 1969 dan \$120,000 ada-lah untuk harga chatuan² bagi orang² dalam tahanan di-Pusat Tahanan Kuching.

Butir² perbelanjaan yang lain dalam anggaran tambahan ini yang saya tidak sebutkan itu ada-lah kecil sahaja dan keterangan²-nya boleh-lah di-dapati di-dalam Memorandum Perbendaharaan yang telah pun di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat dan oleh itu tidak-lah perlu bagi saya membuat penerangan lebeh lanjut di-atas-nya.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Abdul Samad Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya berkenaan dengan perkara Kepala 21. Kepala 21—Perkhidmatan Am Perbendaharaan sa-banyak \$3,904,639. Tadi saya dengar dikatakan antara ini pinjaman kepada negeri Kelantan sa-banyak \$2 juta. Boleh-kah Menteri beri tahu Dewan ini pinjaman yang sa-banyak itu untuk tujuan apa-kah yang sa-benar-nya.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana biasa Kerajaan di-Kelantan ini kekurangan wang untuk berbagai² perkara, kadang² kekurangan wang ini untuk membayar gaji pegawai² dan kakitangan Kerajaan di-dalam negeri Kelantan. Jadi bila² perlu Kerajaan Pusat memberikan pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk menyempurnakan tugas²-nya.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, antara \$2 juta yang besar sa-kali itu berkenaan dengan apa. Saya minta Menteri menjawab tentang perbelanjaan \$2 juta yang besar ini bagi Kelantan?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ta' payah di-berikan butir² yang halus di-sini satu persatu. Kalau hendak, saya silakan Ahli Yang Berhormat itu datang ka-Perbendaharaan untuk mengetahui satu persatu-nya.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua.

Bachaa Kali Yang Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, sekarang masaalah-nya ia-lah bahawa Rang Undang² ini, mengikut Peratoran Meshuarat 53 (2) di-bachakan terus pada bachaa kali yang ketiga.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² BIL PERBENDAHARAAN (TEMPATAN) (PINDAAN), 1971

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum ia-itu pada bulan Oktober, 1966 Parlimen telah meluluskan satu pindaan kepada Ordinan Bil Perbendaharaan (Tempatan), 1946 dengan tujuan supaya banyak-nya Bil² Perbendaharaan yang boleh di-keluarkan dan yang di-pegang pada satu² masa boleh di-naikkan daripada had berkanun sa-banyak \$600 juta kepada \$1,000 juta. Ini telah

di-laksanakan untuk menemui atau memenuhi kehendak² bank² perdagangan dan kenaikan yang di-jangka di-dalam penjualan Bil² Perbendaharaan di-seluruh Malaysia.

Bank Negara telah melaporkan ia-itu keadaan baharu² ini di-dalam penjualan Bil² Perbendaharaan telah menunjukkan dengan jelas-nya bahawa had berkanun pada masa sekarang yang sa-banyak \$1,000 juta itu perlu di-tinggikan lagi untuk membolehkan bank² perdagangan memegang lebih banyak lagi Bil² Perbendaharaan serta juga untuk membolehkan Kerajaan "menyalorkan" wang² yang ada di-pasaran tempatan bagi penanaman modal jangka pendek. Tambahan pula, had berkanun yang \$1,000 juta itu ada-lah di-fikirkan terlalu rendah memandangkan banyak-nya peruntukan wang yang di-perlukan bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua ini.

Dengan sebab² yang di-nyatakan di-atas itu, ada-lah di-fikirkan perlu meminda had berkanun itu dan Rang Undang² yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini ada-lah bertujuan untuk mendapatkan kelulusan meninggikan had itu daripada \$1,000 juta kepada \$1,500 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

AKTA PERJANJIAN BRETTON WOODS (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan bahawa

suatu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Perjanjian Bretton Woods, 1957 di-bacha kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini, sa-bagai yang di-nyatakan di-dalam Huraian kepada Rang Undang² itu ia-lah untuk memasokkan pindaan kepada Ordinan Perjanjian Bretton Woods, 1957 yang di-buat di-bawah Ordinan No. 60 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 dalam suatu undang² yang kekal. Pindaan itu ada-lah di-buat berikutan dengan keputusan Kerajaan dalam bulan September, 1969 untuk menambah quota Malaysia dalam Kumpulan Wang Antarabangsa.

Dalam tambahan² yang lepas, yuran Malaysia kepada quota-nya dalam Kumpulan Wang itu ada-lah di-bayar oleh Kerajaan Persekutuan daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan mengikut Sekshen 4 (1) (b) Ordinan Perjanjian Bretton Woods, 1957. Sekshen ini, antara lain, menyatakan bahawa sa-barang tambahan kepada yuran Kerajaan Persekutuan hendak-lah di-bayar daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan dan yuran itu boleh-lah di-bayar dengan emas atau matawang Malaysia. Sekshen 4 (1) (c) Ordinan ini juga menyatakan bahawa, melainkan dengan persetujuan Dewan Ra'ayat, dan Dewan Negara yuran Kerajaan Persekutuan tidak boleh di-tambah sa-hingga melebihi jumlah AS\$37.5 juta. Tambahan² yang lepas telah, sa-terus-nya, di-perbuat sa-lepas di-persetujui oleh Dewan. Dalam tahun 1969 persetujuan telah di-chapai bagi Bank Negara Malaysia, untuk masa hadapan, menjalankan kuasa dan memikul tanggung-jawab² yang berkaitan dengan keanggotaan Malaysia dalam Kumpulan Wang itu. Per-setujuan ini, antara lain, termasuk-lah pembayaran yuran kepada Kumpulan Wang itu oleh Bank Negara Malaysia bagi pehak Malaysia. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan), 1969 telah di-kanunkan pada masa itu untuk membolehkan Bank Negara Malaysia berbuat demikian dan Sekshen 4 Ordinan Perjanjian Bretton Woods, 1957 telah di-mansokhkan pada masa yang sama. Akibat pemansokhan ini ia-lah, pada dzahir-nya, tidak ada kuasa undang² pada masa ini yang membolehkan Malaysia menambah yuran-nya dalam Kumpulan Wang itu.

Memandangkan hal ini, Peguam Negara telah menasihatkan bahawa Sekshen 5A Ordinan Perjanjian Bretton Woods, 1957 patut-lah di-pinda untuk membolehkan Bank Negara, bagi pehak Kerajaan Malaysia,

menerima dan membayar yuran Malaysia kepada Kumpulan Wang itu sa-lepas diluluskan oleh Menteri Kewangan dengan chara bertulis. Rang Undang² pindaan yang di-bentangkan di-Dewan Negara hari ini, ada-lah di-perbuat untuk memasokkan pindaan Perjanjian Bretton Woods, 1957, yang di-buat di-bawah Ordinan No. 60 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 dalam suatu undang² yang kekal untuk membolehkan Bank Negara menerima dan membayar sa-barang tambahan yuran Malaysia kepada Kumpulan Wang bagi pehak Malaysia. Pindaan yang di-chadangkan itu tidak-lah termasuk syarat bahawa sa-barang tambahan dalam yuran Malaysia mesti-lah mendapat persetujuan Dewan Ra'ayat dengan chara ketetapan (resolution) kerana pembayaran untuk yuran tambahan ada-lah di-bayar daripada sumber² Bank Negara Malaysia dan bukan di-bayar daripada Kumpulan Wang Kerajaan Persekutuan yang di-Satukan seperti yang di-perbuat pada masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya, berapa-kah yuran Malaysia yang di-bayar kepada International Monetary Fund tiap² tahun?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di-tanya dengan mengejut itu, saya tidak ingat sekarang ini, tetapi ma'alumat yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh-lah di-bagi dengan tepat-nya kemudian kelak.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Sa-chara kasar, Tuan Yang di-Pertua, berapa juta, sa-chara kasar?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bila saya mewakili Kerajaan berchakap di-dalam Dewan ini saya tidak-lah boleh main kasar atau dengan agak² sahaja, saya perlu tepat.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KEWANGAN (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kewangan, 1965 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang² ini seperti tersebut di-dalam Huraian kepada Rang Undang² itu ia-lah untuk memasokkan pindaan kepada Akta Kewangan, 1965 yang di-buat di-bawah Ordinan No. 90 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 ka-dalam undang² yang kekal. Pindaan ini ia-lah atas Bahagian IV dalam Akta Kewangan 1965 berkenaan dengan chukai jumlah gaji atau pun payroll tax yang telah di-hapuskan mula² daripada 1hb Januari, 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan bahawa

suatu Rang Undang² bernama suatu Akta bagi mengubah undang² yang berkuat-kuasa berhubung dengan duti harta pesaka di-bacha kali kedua-nya.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk memasokkan peruntukan Ordinan No. 59 (Kuasa² Perlu) Dharurat 1970 itu ka-dalam undang² yang kekal.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk menyediakan pengurangan sa-banyak 50% daripada chukai yang di-kenakan di-bawah Ordinan/Enakmen Duti Harta Pesaka Sabah, Sarawak dan Malaysia Barat terhadap harta pesaka yang berada di-Malaysia dan yang boleh di-bahagi²kan apabila sa-saorang itu meninggal dunia. Pengurangan chukai ini ada-lah hanya di-beri atas harta² pesaka yang di-warisi oleh sa-orang isteri, anak atau chuchu. Hadiah² dan pemberian² yang di-lakukan oleh simati sa-masa ia maseh hidup akan di-kechualikan daripada mendapat faedah pengurangan ini oleh kerana ada-lah di-fikirkan perlu untuk mencheegah berlakunya perpechahan harta pesaka atau pembahagian² harta sa-belum kematian. Pengurangan ini juga akan di-beri terhadap harta² pesaka yang di-warisi oleh anak² angkat dan anak² tiri simati kechuali anak² yang terkeluar dari nikah. Di-mana harta² pesaka itu di-warisi oleh sa-saorang yang layak menerima-nya dan sa-saorang yang tidak layak menerima-nya sa-chara berturut² maka pengurangan ini akan di-sekatkan kepada nilai harta yang di-warisi oleh sa-saorang yang layak menerima-nya sahaja.

Rang Undang² ini juga bertujuan untuk melanjutkan faedah pengurangan ini kepada harta² pesaka orang² Islam dengan syarat simati itu meninggalkan isteri, anak² atau chuchu². Oleh kerana Undang² Islam tidak membenarkan pemberian harta sa-chara bebas kepada ahli² keluarga yang rapat maka Rang Undang² ini telah menyediakan suatu peruntukan khas untuk menentukan bahawa sekatan ini tidak akan menghalang harta orang² Islam tersebut daripada menikmati faedah pengurangan ini. Dalam erti kata yang lain harta² simati yang beragama Islam dan yang bukan beragama Islam akan pada am-nya menerima faedah yang sama daripada pengurangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini, tetapi saya ada beberapa masaalah yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mendapat penjelasan atau pun penerangan daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, di-negeri ini sa-masa kita hidup kita kena bayar chukai, masa mati pun kita kena bayar chukai (*Ketawa*). Sa-masa hidup ada orang pandai mengelak chukai, sa-masa mati pun ada juga yang pandai mengelak chukai. Jadi dalam pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, Undang² Duti Harta Pesaka ini tidak-lah bagitu ketat kerana sa-bagai saya katakan tadi ada yang boleh melepaskan diri, ada yang ta' pandai melepaskan diri. Yang pandai melepaskan diri itu ta' ada-lah dia kena bayar dan oleh sebab itu barangkali Kerajaan rugi. Saya tahu ada orang yang kaya² masa hidup-nya kita semua tahu dia kaya, tetapi bila dia meninggal dunia, duti pesaka yang kena bayar oleh estate-nya itu tidak-lah bagitu banyak seperti yang kita sangkakan. Kerana apa, kerana dia pandai mengelak duti dia telah mengelakkan, sa-belum dia mati. Tetapi ada orang yang ta' pandai mengelakkan. Pada masa hidup-nya bagitu kaya dan bagitu lumayan dan kedudukan keluarga-nya pun bagitu baik, tetapi apabila dia meninggal, dia terpaksa membayar duti harta pesaka—maka miskin-lah keluarga itu tadi. Ini nampak benar perubahan-nya. Kalau dahulu dia bagitu kaya dan bila habis sahaja hayat sa-saorang itu, keluarga-nya menderita. Saya berharap ini, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah pengalaman, pengalaman yang saya dapati sa-bagai Pengamal Undang².

Jikalau ta' salah saya, Tuan Yang di-Pertua, falsafah mengadakan duti harta pesaka ini berasal daripada negeri England. Di-sana pada masa dahulu banyak tanah² kepunyaan sa-saorang bagitu luas sa-kali sampai beribu² ekar dan oleh kerana ada Kerajaan yang bagitu sosialist sadikit, dia mengatakan ta' patut-lah sa-saorang itu mempunyai harta yang besar² bagitu. Jadi chara mengurang-nya adakan Undang² Duti Harta Pesaka dan dengan itu dia dapat mengurangkan terluasan atau pun size tiap² estate tadi. Jadi, kita di-sini kalau ta' salah saya undang² di-Malaysia Barat ini ia-lah undang² yang telah di-perbuatkan sa-belum perang dahulu. Dan di-sini juga kalau ta' salah saya undang² belum di-samakan, Sarawak dan Sabah mempunyai undang²

masing² dari segi ini. Jadi, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada, ada-kah kemungkinan bagi Undang² Duti Harta Pesaka ini di-hapuskan sama sa-kali atau pun di-semak dan di-perbaiki.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak tumpang bertanya huruf "spouse". Fasal 2 (1) mengatak:

"spouse" includes all wives of a man whose personal law permits him a plurality of wives.

Jadi saya hendak bertanya bagini: kalau common wife ini, isteri yang ta' di-kahwin atau ta' di-nikah, tetapi dia dudok sahaja, dia makan dan dia tidor sa-kali, ada-kah common wife ini di-masokkan dalam spouse?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang mula² tadi, ada-kah kemungkinan Rang Undang² ini di-hapuskan, ia-ini duti harta pesaka ini di-hapuskan, saya fikir Kerajaan tidak mampu untuk menghapuskan, sebab akan melibatkan hasil Kerajaan dan kalau sa-kira-nya di-hapuskan, Kerajaan kena-lah menggantikan hasil itu daripada puncha yang lain sedangkan perbelanjaan negara kita bertambah dari sa-masa ka-samasa. Bahkan apabila di-bentangkan peruntokan budget biasa-nya tiap² ahli sama ada di-Dewan Ra'ayat, atau pun Dewan Negara meminta di-tambah peruntokan². Jadi soal menghapuskan itu ta' ada-lah tetapi soal meminda, memperbaiki dan mengetatkan lagi supaya tidak ada abuse sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ini sentiasa-lah di-dalam pertimbangan Kerajaan daripada satu masa ka-satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang kedua tadi ia-itu ada-kah spouse yang tidak nikah sama ada chara Islam atau pun ugama² lain atau pun di-register di-Pejabat Registry, itu di-anggap spouse. Saya fikir itu tidak. Ini erti-nya mistress, mistress yang tidak sah ini tidak di-anggap atau di-beri kelulusan undang² sa-bagaimana di-dalam undang² ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 4—

Dato' J. E. S. Crawford: Tuan Pengerusi, saya minta keterangan Fasal 3 berkenaan remoter issue ini boleh champor kakak-kah atau tidak?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Saya tidak berapa dengar pertanyaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulang balek pertanyaan itu.

Dato' J. E. S. Crawford: (*Dengan izin*) Does "remoter issue" in direct line only or does it include the elder sister or kakak?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Untuk penerangan, Tuan Yang di-Pertua. May devolve by operation of law on spouses, children or "remoter issue", atau kita hendak tengok kepada undang² berkenaan dengan bagi pesaka orang Islam dan yang bukan Islam bagaimana distribution. Kalau mengikut operation of law mana yang masuk remoter issue yang di-sebut dalam undang² itu, itu yang masuk, bukan sa-bagai kakak, kakak ipar dan lain². Ada undang² itu kata kakak dapat, kalau orang lain tidak ada, kakak itu dapat-lah. Jadi mengikut by operation of law pada personal property to that person, ini ma'ana remoter issue, mengikut pada undang². Kalau undang² bagi harta pada satu² orang yang bukan Islam mithalnya, kakak-nya tidak dapat, tidak ada-lah dapat, tetapi kakak, saya rasa, tidak akan dapat sa-lagi ada anak dan isteri. Kalau semua sudah tidak ada kakak boleh dapat mengikut undang² dan harta di-beri kepada kakak-nya, masuk-lah terta'alok di-bawah undang² ini dapat 50% estet duti-nya itu. Ini keterangan-nya.

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Akta Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (Pindaan), 1971 ia-lah untuk mendapatkan persetujuan Parlimen untuk menetapkan Rang Undang² yang di-bawah, yang telah pun di-luluskan oleh Pengarah Gerakan Negara, ka-dalam sa-buah Rang Undang² yang kekal.

“(a) Peratoran² Perlu (Mengubahsuai Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951), 1969,

(b) Ordinan No. 42 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 dan

(c) Ordinan No. 73 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971.”

Peratoran² Perlu telah di-terbitkan di-dalam *Warta Kerajaan* pada 11hb September, 1969, Ordinan No. 42 pada 6hb Ogos, 1970, dan Ordinan No. 73 pada 18hb Februari, 1971.

Pindaan² ini di-buat memandangkan peranan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang berubah, untuk memberi jaminan masa tua bagi pekerja² mereka, dan juga sa-bagai sumbar kewangan untuk membiayai keperluan² pembangunan negara. Penerangan bagi pindaan² tersebut telah pun di-beri di-dalam Huraian kepada Bil tersebut, yang telah pun di-bahagi²kan kepada Ahli² Yang Berhormat. Saya berchadang menurunkan senarai perinsip² yang menyebabkan pindaan² ini di-buat.

(1) Oleh kerana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sekarang mengambil peranan yang perlu dan penting di-dalam pembangunan ekonomi negara, definasi “approved company” yang boleh dipinjamkan wang oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hendak-lah di-luaskan, supaya sharikat yang mana Kerajaan ada mempunyai saham dan mempunyai tujuan utama, untuk membiayai perusahaan², di-anggap sa-bagai “approved company.”

(2) Untuk menambahkan lagi peranan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dalam pembangunan, had pinjaman yang di-benarkan telah di-tambah dari 2/3 harta² sharikat² tersebut kepada 3/4, supaya lebeh banyak lagi wang dapat di-pinjamkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja itu kepada tiap² “approved company.” Dalam Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951, pekerja² yang mendapat lebeh dari \$500 sa-bulan tidak di-benarkan mencharum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(3) Supaya lebeh banyak lagi pekerja² dapat faedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini dan lebeh banyak wang di-terima oleh Kumpulan Wang ini untuk membiayai perojek² pembangunan, had \$500 gaji sa-bulan pada pencharum², telah di-mansokhkan.

(4) Untuk memberhentikan tertuboh-nya berbagai² kumpulan wang simpanan bagi berjenis² pekerja, yang akan memberi faedah yang berasingan bagi tiap² kumpulan yang berlainan, pindaan telah di-buat kepada sekshen 2. Dengan itu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menjadi kumpulan wang simpanan yang terutama bagi pekerja². Walau bagaimana pun, kumpulan wang simpanan yang tertuboh sa-belum 6hb Ogos, 1970 maseh di-benarkan.

(5) Untuk Membenarkan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menyimpan wang kumpulan wang tersebut di-Bank Negara, dengan meminda sekshen 4. Ini di-anggap perlu, oleh kerana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengambil peranan penting dalam pembangunan negara dan juga menjadi satu sumber kewangan bagi ranchangan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sa-penoh²-nya bagi Rang Undang² yang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 atau EPF ini, yang di-bawa oleh Yang Berhormat Menteri kita.

Pindaan Akta ini akan menjadi pindaan tahun 1971. Ada dua perkara yang amat menarek hati saya, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya kepada pindaan Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja ini; chara² yang di-nyatakan dalam Jadual ada-lah berikuk yang menarek hati saya. Yang pertama, menyatakan atau keterangan dalam Rang Undang² ini akan bagi menambah jumlah pinjaman suatu sharikat yang di-luluskan dari semua sumbar atau all sources daripada 2/3 kepada 3/4, jumlah yang pada masa itu di-chagarkan atau secured kepada sharikat itu oleh peminjam²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu khabar atau berita yang sangat baik, yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat Menteri kita. Langkah² saperti ini di-ambil supaya membolehkan sharikat² yang berkenaan itu dapat pinjaman wang lebeh banyak untuk mereka menanamkan modal dengan giat-nya dalam sharikat mereka itu. Maka kemajuan sharikat² ada-lah juga kemajuan ekonomi negara. Chadangan menambah jumlah pinjaman² wang kepada sharikat² yang di-luluskan dari semua sumber atau all sources patut-lah mendapat puji²an dengan sa-tinggi²-nya dan langkah² yang akan di-ambil itu ia-lah akan mencherminkan, memajukan masharakat moden kita. Ini ada-lah bersangkutan dengan Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah untuk pertimbangan dan jawapan dari pehak Kerajaan, dalam keterangan Rang Undang² atas Huraian atau Explanatory Statements dalam pindaan ka-bawah butir²an (c), bilangan (2), ta' ada di-sebutkan dengan faedah bunga atau interest akan di-kena bayar dalam pinjaman wang kepada Lembaga EPF oleh sharikat² yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya faedah bunga atau interest patut-lah di-bayar dengan rendah sa-kali atau lowest interest kerana tujuan Kerajaan dalam pinjaman wang kepada sharikat² ada-lah hendak menolong mereka menjalankan sharikat² mereka dengan keadaan baik dan ra'ayat serta negara kita.

Yang menarek hati saya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) itu akan untuk memberi kuasa kepada Lembaga mendepositkan wang kepunyaan Kumpulan di-Bank Negara Malaysia. Chadangan ini sungguh baik, akan tetapi Lembaga EPF akan mendepositkan berapa banyak-kah wang kepunyaan-nya di-Bank Negara, Malaysia, semua atau separoh sahaja? Ini-lah saya hendak dapat tahu. Tambahan pula saya ingin dapat tahu juga nama bank² dan berapa buah bank-kah yang di-depositkan wang kepunyaan Kumpulanwang EPF sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Rang Undang² ini, di-muka 6, dalam bahasa Malaysia, huraian ke-(6) berbunyi :

"(6) Lain² pindaan ada-lah berbangkit." atau bahasa Inggeris-nya :

"(6) Other amendments are consequential."

Bagi maksud tujuan ini, Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya tidak berapa terang. Saya di-sini hendak tumpang bertanya kepada Menteri Kewangan kita ada-kah pindaan akan berbangkit pada masa sekarang atau pada masa yang akan datang. Tun Yang di-Pertua, ma'ana masa yang akan datang itu bukan-lah masa akan datang yang sangat² panjang. Perasaan saya, masa akan datang itu ta' berapa lama lagi. Mithal-nya khabar² burok telah di-suarakan di-mana² di-negeri kita ia-itu kata khabar burok itu Kerajaan akan mengambil balek, atau tarek balek Kumpulanwang Simpanan Pekerja atau EPF, termasuk juga Kumpulanwang Simpanan Guru² atau TPF dengan separoh²-nya ia-itu bagi pehak majikan, dan bagi Kerajaan yang sa-sudah di-bayar untuk guru² sekolah pada beberapa tahun dahulu, maka apabila guru² sekolah di-masokkan ka-dalam Laporan Surohanjaya di-Raja Gaji Aziz pada awal tahun 1972. Tuan Yang di-Pertua, benar-kah berita ini di-suarakan di-mana²? Kalau benar, boleh-kah Menteri Kewangan kita menerangkan maksud²-nya dan kenapa-kah Kumpulanwang EPF atau TPF yang sudah di-bayar itu akan di-tarek balek? Patut-kah di-buat demikian kepada guru² sekolah yang berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, sa-balek-nya kalau berita itu berita angin maka di-harap-lah Menteri Kewangan kita berikan jaminan kuat atau tetap, tidak akan tarek balek Kumpulanwang EPF dan juga TPF bagi pehak mijikan. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini baharu-lah tidak menakutkan guru² sekolah yang berkenaan. Sekian-lah sahaja ucapan saya. Kalau ada apa² kesalahan atau sangat kasar ucapan saya, saya minta ma'af.

Sekian, terima kaseh.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini dan saya suka hendak memberi sedikit pandangan di-atas chara² perjalanan badan yang sa-umpama ini. Nasib baik di-sebelah saya ini rakan saya Dato' Crawford sa-orang daripada Ahli Lembaga EPF ini. Dan saya berbisek² dengan dia dan saya dapat tahu EPF ini mempunyai lebeh \$2 billion wang yang di-kumpul pada masa ini. Lebeh \$2 billion bukan million, dan satu billion lebeh di-tanamkan wang itu kepada Kumpulan Pinjaman kepada Kerajaan. Dan satu billion lagi itu di-bahagi²kan kepada peruntokan yang lain, reserve dan sa-bagai-nya.

Saya suka hendak berchakap dalam perkara wang EPF ini dalam beberapa perkara mengenai tanaman modal. Pada cherita dahulu, lama² dahulu saya pernah bersuara dalam masa Dewan dahulu. EPF ini menanam modal di-Hotel Merlin dan telah menjadi heboh semua orang berchakap fasal apa EPF tanam modal di-Merlin Hotel kerana tidak masok dalam Hotel Federal, kenapa tidak masokkan dalam Hotel Sentosa dan berbagai² lagi hotel² yang ada. Jadi sudah berbangkit dan saya dapati barangkali perkara menanam modal di-hotel ini tentu-lah akan di-rentikan dan tidak lagi akan di-tanam modal di-Hotel Merlin itu. Tetapi saya rasa dengan Rancangan Malaysia Kedua kita ini peranan yang besar patut di-ambil oleh EPF ini kerana kita tahu dalam sector swasta, kita berkehendakkan kapada satu tenaga yang betul² dinamis, kita mahu satu chara yang betul² boleh memberi kesan kapada orang² yang ada di-luar bandar.

Dalam perkara wang EPF ini kebanyakan wang-nya di-tanam dalam Sharikat Malaya Borneo Building Society—Malaysia Borneo Building Society satu sharikat perumahan di-bantu oleh Kerajaan. Sharikat Malaya Borneo Building Society ini kalau saya perhati chara perjalanannya dia, kalau-lah tidak dengan kerana tekanan daripada pehak Kementerian, daripada pehak yang bertanggung-jawab di-peringkat atas, maka Malaya Borneo Building Society ini satu badan yang sangat lemah dalam perjalanannya untuk membantu mereka yang ada di-luar bandar. Malaya Borneo Building Society ini menunjukkan tanaman modal-nya, perumahan-nya dan sa-bagai-nya kapada tempat² yang telah ada perkembangan rumah di-bandar², di-pekan² tetapi jauh daripada kawasan luar bandar. Kalau ini berlanjutan, saya rasa sangat-lah rugi, rugi bagi Kerajaan, rugi bagi EPF, rugi bagi kita hendak berharap kapada satu tenaga daripada Malaya Borneo Building Society untuk mengembangkan perumahan di-luar bandar. Kita mahu kalau boleh Malaya Borneo Building Society mesti mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri Kelantan, mana kawasan yang di-katakan kawasan Reserve Melayu hendak-lah dihapuskan dan boleh di-bebaskan Malaya Borneo Building Society memegang tanah itu dengan tidak payah pergi mesuarat Exco, tidak payah mendapatkan kebenaran daripada Kerajaan. Jadikan Malaya Borneo Building Society itu sa-bagai orang Melayu—di-ta'ariskan sa-bagai orang Melayu da-

lam mana kawasan Melayu baharu-lah orang Melayu boleh bena rumah. Boleh buat housing project, boleh mengembangkan perumahan—sharikat perumahan di-kawasan² orang Melayu. Dan ini berma'ana kita telah masok di-kawasan luar bandar sebab bagaimana Rancangan Malaysia Kedua kawasan luar bandar-lah kawasan yang sangat² berkehendakkan kapada pembenaan rumah² yang baik. Kalau kita melawat negeri yang kurang maju daripada negeri kita, kita pergi ka-kampong² mereka, kita tengok rumah² yang beratap, rumah² robek yang tidak harus di-diami oleh manusia. Kalau ini ada berlaku beberapa buah negeri dalam Asia, maka kita tidak tahu. Pelawat² daripada negeri yang telah maju datang ka-Malaysia ini pergi ka-kampong², ka-sabelah Pantai Timor umpama-nya melihat rumah² nelayan kita hampir² hendak roboh, kita tidak mahu begitu. Dan untok hendak mengelokkan ini, membaiki ini hendak-lah Malaya Borneo Building Society memanjangkan usaha-nya ka-luar bandar. Pergi ka-Pantai Timor, chari tempat yang baik buat perumahan, bantu sharikat² perumahan yang ada di-negeri² yang sa-umpama itu. Kalau ini tidak boleh di-buat oleh Malaya Borneo Building Society maka EPF mesti menyuarakan kapada Malaya Borneo Building Society. Dato' Crawford ada berchakap sa-orang Director sahaja di-beri sa-bagai wakil dalam Malaya Borneo Building Society wakil daripada EPF. Saya kata hendak-lah tambah banyak lagi. Dia pegang duit EPF, dia mahu taroh satu orang macham mana, taroh lebeh: taroh dua atau taroh tiga supaya lebeh sedikit supaya dapat menekankan Malaya Borneo Building Society itu berjalan lebeh lancar, lebeh dinamis daripada perjalanannya yang ada pada hari ini. Ini chara perkembangan perumahan di-luar bandar.

Satu lagi chara, Tuan Yang di-Pertua, penanam modal yang perlu di-buat oleh E.P.F., ia-lah ka-dalam sharikat² kerjasama yang terjamin. Kita ada hari ini Bank Sharikat Kerjasama yang ada chawangan-nya di-merata tempat dan saya tahu Bank Sharikat Kerjasama ini tentu berkehendakkan kapada modal yang chukop sa-bagai bank yang terjamin di-luar bandar. Kalau commercial bank tidak boleh pergi luar bandar dan tidak sanggup pergi ka-luar bandar, Bank Sharikat Kerjasama mesti-lah di-tegapkan di-luar bandar. Kita ada hari ini Bank Pertanian, kita ada Bank Sharikat Kerjasama.

Bank Pertanian telah di-bantu oleh Kerajaan, Bank Sharikat Kerjasama belum dapat bantuan yang chukop daripada Kerajaan dan kalau Kerajaan tidak dapat membantu dengan chukop E.P.F. boleh masuk, sebab ini sa-buah bank yang terjamin, di-jamin sa-bagai bank yang ada akuan daripada Bank Negara. Kenapa kita takut beri modal? Bank Sharikat Kerjasama ini, sa-tahu saya telah menjalankan tenaga yang chukop dinamis di-luar bandar. Mereka telah memberikan pinjaman² credit kepada orang² kampung untuk membeli tractor untuk memodenkan chara² hidup di-kampung. Kalau ini E.P.F. tidak boleh beri wang bantuan, beri wang modal pinjaman dan sa-bagai-nya ka-mana lagi E.P.F. hendak menggerakkan wang-nya supaya dapat dirasai oleh ra'ayat seluroh-nya. Jadi walau pun Bank Sharikat Kerjasama tidak meminta kepada E.P.F. pinjaman atau pun modal tambahan itu, saya harap dengan suara yang saya beri kepada Dewan ini muga² E.P.F. dengan Bank Sharikat Kerjasama akan buat satu perundingan, biar-lah suara saya ini jadi satu suara pengantar, suara yang akan dapat menghubungkan di-antara dua badan ini supaya dua badan ini berunding menchari jalan bagaimana chara hendak menegakkan Bank Sharikat Kerjasama ini dan bagaimana hendak menolong mereka yang ada di-luar bandar.

Sharikat² Kerjasama di-merata tempat hari ini; hari ini Kerajaan telah menggalakkan supaya ada satu gabungan sharikat kerjasama yang di-panggil dengan nama ANGKASA kalau tidak salah saya. Nama dia tinggi—ANGKASA, tetapi apa kita mahu ia-lah sokongan daripada semua pehak, kita mahu sokongan daripada ra'ayat, kita mahu sokongan daripada pehak pemodal². Jadi kita mahu E.P.F. ini masukkan modal dalam ANGKASA ini untuk memberi chukop bantuan modal. Kalau kita boleh sokong Merlin Hotel, kenapa tidak boleh ANGKASA. Kalau kita berhentikan daripada Merlin Hotel itu angkat modal itu masuk ka-ANGKASA, umpama-nya, masuk dalam sharikat² kerjasama yang terjamin. Ini-lah yang saya suka hendak beri pandangan yang ringkas untuk menggerakkan ranchangan, untuk mengembangkan modal² di-kawasan² luar bandar. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi saya chuma ada dua tiga

perkara sahaja yang saya hendak chakapkan berkenaan dengan E.P.F. ini. Satu berkenaan dengan pembayaran apabila pekerja² daripada War Department, banyak daripada orang² India, hendak balek ka-India. Jadi tersangat lambat hendak membayar wang itu. Sebab apa, dia chuma ada satu komputer sahaja. Jadi wang itu tiap² hari Thalatha sahaja dapat di-keluarkan. Saya berharap kepada Kementerian supaya di-banyakkan lagi komputer itu supaya dapat di-keluarkan lekas duit E.P.F. itu. Tetapi jika mengira pekerja disana, saya pun ta' puas hati, chuma 1/3 sahaja terdiri dari orang² Melayu, 2/3 bangsa asing. Jadi kalau dapat sa-kurang²-nya 50-50% supaya di-ajar lagi, orang² Melayu kita supaya banyak boleh membuat kerja² didalam E.P.F. itu. Itu perkara yang kedua.

Yang ketiga-nya, pekerja² ini banyak berjumpa dengan saya, mengatakan E.P.F. ini banyak duit, dan minta di-naikkan lagi faedah-nya. Sekarang kalau ta' silap saya 5%, kalau dapat di-naikkan hingga 7%. Dan tadi rakan saya daripada Perak mengatakan pinjaman kepada sharikat² itu patut-lah kita masukkan dalam undang² ini, yang mana ta' ada di-sebutkan berapa faedah hendak dibayar oleh sharikat itu. Jadi bagaimana yang di-sebutkan oleh Dato' Nik Hassan tadi, boleh jadi faedah itu terlampau sedikit. Jadi itu-lah sebab di-serahkan pada M.B.B.S. Itu-lah sahaja, saya menyokong Rang Undang² ini.

Dr Syed Hussein Alatas: Tuan Yang di-Pertua, sa-telah mendengar huraian daripada Yang Berhormat Dato' Nik Hassan daripada Kelantan, saya juga bangkit semangat untuk menambah huraian Ahli Yang Berhormat itu. Memang mustahak chara duit E.P.F. itu di-tanam dalam perusahaan² tertentu. Memang ini masaalah yang mustahak sa-kali. Barangkali pehak Kerajaan pada satu masa yang akan datang dapat memberi penerangan kepada Ahli² Dewan ini tentang pembahagian tanaman modal daripada E.P.F. dan sebab² kenapa tiap² perusahaan itu di-berikan modal oleh E.P.F. Ahli Yang Berhormat tadi sudah memberikan satu contoh tentang Hotel Merlin. Beliau menanya, mengapa Hotel Merlin, tidak hotel² yang lain. Baik-lah saya lanjutkan di-sini mengapa hotel sahaja, tidak yang lain². Tentu ada perusahaan² yang lain². Yang saya ingin soalkan di-sini satu lagi perusahaan yang akan di-mulakan juga oleh pehak Kerajaan ia-itu usaha Kapal Haji.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana pengetahuan kita semua, usaha mendirikan Sharikat Kapal Haji Kebangsaan, agak sedikit mengalami kekurangan modal, oleh kerana mereka itu maseh memerlukan modal untok membeli kapal² dan menambah kapal² dan juga untok menyelenggarakan perusahaan itu dengan baik sa-kali. Tuan Yang di-Pertua, nasib baik kita umat Islam di-negeri ini mempunyai satu ugama yang sudah memberikan suatu perusahaan dari hati sanubari umat Islam sendiri, suatu penghasilan, suatu business yang mempunyai turn-over tiap² tahun berjuta². Dalam tahun yang sudah turn-over daripada juma'ah haji sahaja itu lebeh daripada \$7-8 juta dan berjuta² daripada turn-over itu keuntongan-nya telah jatuh kapada sharikat² luar negeri.

Baharu² ini telah di-usahakan mendirikan sharikat perkapalan sendiri. Ini-lah satu kesempatan untok E.P.F. juga menyiasat bolehkah atau tidak, setuju atau tidak bagi menanam modal dalam perusahaan perkapalan ini. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, keuntongan itu sudah tentu, turn-over sudah tentu, dan juga akan bertambah tiap² tahun. Dan pada pandangan saya kalau ini tidak sama menasabah, barangkali lebeh menasabah daripada menanam modal dalam hotel². Terima kasih.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kapada pandangan² yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat tentang Rang Undang² (Pindaan) ini. Saya suka-lah menyatakan sa-kali lagi, ia-itu wang yang ada terkumpul di-dalam E.P.F. atau pun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini ada-lah wang pekerja² yang ada di-dalam negeri kita ini. Mereka-lah tuan punya wang ini dan bila pehak Pentadbir, sama ada Lembaga Pengarah-nya, atau pun Pengurus-nya, atau pun pegawai² yang mentadbirkan wang itu dengan menanamkan wang itu sa-bagai modal, atau pun memberikan pinjaman kapada segala pehak, maka mereka harus-lah pertama sa-kali mengingatkan kepentingan pekerja². Mereka hanya-lah berupa pemegang amanah atau pun trustees bagi pekerja² yang di-dalam negeri ini yang memberikan sumbangan kapada Tabong E.P.F. ini. Sama ada wang itu datang-nya daripada pekerja itu sendiri atau pun daripada pehak majikan, pendek-nya wang yang ada tersimpan ini ada-lah wang pekerja. Jadi ini-lah tugas mereka yang pertama menanamkan wang, atau pun

memberikan pinjaman wang dengan chara yang paling selamat dan juga dengan chara yang mendatangkan faedah, atau pun kepentingan sa-berapa yang tinggi bagi pekerja² tersebut.

Di-samping itu dalam masa Kerajaan memerlukan wang sekarang untok pembangunan, dalam masa negara kita memerlukan modal untok ranchangan perusahaan, perdagangan dan sa-bagai-nya, wang E.P.F. ini ada-lah juga berguna sa-lain mendatangkan faedah atau keuntongan kapada pekerja², maka wang itu sa-elok²-nya di-pergunakan dengan chara yang mendatangkan keuntongan kapada pembangunan negara kita. Ini-lah chara kasar-nya tugas dan tujuan wang E.P.F. itu. Dalam bidang ini E.P.F. perlulah menanamkan wang-nya dengan sa-chara berhati² supaya wang itu selamat dan tugas Kerajaan ia-lah memastikan bahawa wang pekerja² itu tetap selamat dan Kerajaan mengenakan sekatan² yang tertentu mengikut undang² supaya wang pekerja² ini tetap selamat, tidak hilang, tidak rugi atau sa-bagai-nya.

Dalam bidang keselamatan ini dan dalam bidang mendatangkan faedah kapada pekerja² dan juga kapada negara, pehak pentadbir E.P.F. ini boleh-lah menanamkan wang ini di-mana² tempat yang perlu yang berfaedah kapada pekerja² dan juga kapada negara. Jadi terpulang-lah kapada pentadbir² ia-ini Lembaga Pengarah-nya dan lain² pegawai²-nya untok mentadbirkan. Pehak Kerajaan hanya memerhatikan sa-chara am sahaja supaya selamat wang pekerja, sebab pentadbir-nya dan pegawai²-nya ada-lah pemegang² amanah sahaja. Wang ini ada-lah wang pekerja²

Ada Ahli Yang Berhormat meminta supaya di-kenakan faedah wang pinjaman daripada E.P.F. ini sa-rendah²-nya. Jadi kalau dengan bagini, Ahli Yang Berhormat itu memandang sa-belah pehak, ia-ini kepentingan pedagang² dan pengusaha² sahaja. Jadi kalau wang ini di-pinjamkan dengan bunga atau faedah yang paling rendah, pehak pedagang, pehak perusahaan akan untong banyak. Tetapi pehak pekerja yang kebanyakan-nya terdiri daripada orang² yang miskin atau pun orang² yang berpendapatan rendah dan sederhana, mereka akan rugi.

Jadi chadangan ini tidak dapat-lah diterima. Yang kita hendakkan ia-lah supaya faedah atau sa-bagai-nya itu di-kenakan

dengan sa-chara yang menasabah menguntungkan kedua² belah pihak ia-ini pihak perdagangan dan pengusaha dan juga kepada pihak pekerja², ia-ini kita kena memikirkan kedua² belah pihak.

Tentang pemberian E.P.F. ini, tentang pekerja di-E.P.F. ini satu pertiga sahaja terdiri daripada orang Melayu, maka perkara ini saya ambil berat dan saya akan ikhtiarkan supaya dari sa-masa ka-samasa orang² yang bekerja di-dalam E.P.F. ini dapat-lah membayangkan kadar penduduk² yang ada di-dalam negeri ini. Pendek-nya perkara ini akan di-siasat dan akan di-ambil tindakan mana² yang perlu.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah sahaja sa-chara kasar-nya yang saya jawab ia-ini sa-chara prinsip-nya. Jadi dalam bidang jawapan chara prinsip ini termasuk-lah kemungkinan soal menanamkan modal E.P.F. ini di-dalam Sharikat Perkapalan Haji, sharikat² yang lain, ranchangan perumahan atau sa-bagai-nya. Pendek-nya tentang chara melaksanakan, ini terpulang-lah kepada pentadbiran, kepada pihak yang mentadbirkan ia-ini Lembaga Pengarah dan juga pengurus-nya serta pegawai² lain untuk membuat apa² langkah yang mereka perlu dengan mengingat pandangan² daripada Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan Negara ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 4 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan suatu

Rang Undang² bernama Akta bagi memberi kuasa wang sa-banyak \$1,000 juta di-dapatkan sa-bagai pinjaman bagi maksud Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi Persekutuan dan bagi membuat peruntukan berhubung dengan Achara Kewangan mengenai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi Persekutuan dan Negeri², di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini bertujuan untuk memasokkan sa-mula kadalam satu undang² yang kekal peruntukan Ordinan No. 48 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 yang telah di-ishtiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal 2, Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Bahagian II dan III memperuntukkan kuasa bagi mendapatkan pinjaman di-dalam atau di-luar Persekutuan sa-banyak \$1,000 juta yang akan di-bayar kepada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan daripada mana;

- (a) pinjaman wang boleh di-beri kepada sa-saorang anggota di-dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan ia membeli tanah dan mendirikan rumah kediaman, dan
- (b) pinjaman wang boleh di-beri kepada Kerajaan Negeri bagi kegunaan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan-nya.

Bahagian III Rang Undang² ini menetapkan peratoran kewangan berkenaan menyelenggarakan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Persekutuan, manakala Bahagian IV mengandongi bekal berkaitan dengan acara kewangan mengenai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan sa-suatu negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan dalam masalah undang² Pinjaman Perumahan ini, di-sebutkan di-situ bagi pegawai² Kerajaan sahaja. Jadi saya hendak bertanya bagaimana pula kalau sa-kira-nya Ahli² Parlimen Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, sebab mengikut Undang² Penchen bagaimana yang kita telah lulus dalam Dewan ini dan Dewan Ra'ayat telah di-sebutkan di-situ Ahli² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat berhak mendapat

penchen sa-bagai mana undang² Penchen yang di-beri kepada pegawai² Kerajaan. Ini bukan maksud saya berkehendak membeli rumah dengan meminjam kumpulan wang ini. Tetapi ini ada-lah satu suara yang saya rasa banyak orang terasa malu hendak bertanya sa-bagai sa-orang Ahli Dewan, tetapi saya rasa perlu kita bertanya kepada pehak Kerajaan. Kalau sa-kira-nya Dewan Negara ini banyak orang² yang telah ada rumah, orang² yang ada modal chukup tetapi kalau Dewan Ra'ayat yang terdiri daripada wakil ra'ayat yang di-sukai oleh ra'ayat, mungkin ada mereka yang tidak berwang, tidak mempunyai rumah sendiri yang perlu kepada perumahan.

Jadi kenapa ini tidak boleh di-selitkan, dimasukkan di-dalam Rang Undang² ini? Di-ma'anakan bahawa pegawai² Kerajaan yang di-kehendaki dalam undang² ini termasuk-lah juga sama Ahli² dari Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara. Itu satu daripada pertanyaan saya.

Perkara yang kedua yang saya suka hendak beri pandangan di-dalam masalah perumahan ini, entah benar, tidak benar, saya tidak tahu, sa-belum undang² ini di-bawa ka-Dewan di-sini, saya dapat khabar, ada-kah ini khabar angin atau pun khabar tidak angin, tetapi saya dapat khabar Kerajaan telah pun membeli satu kawasan di-sabelah kawasan Damansara Height, kalau tidak salah saya satu kawasan yang luas Kerajaan telah beli dan di-untokkan bagi perumahan pegawai² Kerajaan. Ini kalau benar, saya pun hendak tahu. Dan saya suka memberi pandangan berkenaan dengan perumahan ini, kalau kita hendak beri pinjaman duit kepada pegawai² Kerajaan supaya di-buat rumah atau pun kita hendak beri duit kepada satu sharikat untuk memberi rumah kepada pegawai² Kerajaan, saya ada menaruh sedikit kebimbangan, takut berlaku peristiwa yang kedua atau yang ketiga bagaimana berlakunya kepada Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai² Kerajaan yang telah membuat rumah² di-kawasan Kampong Tunku yang mana Setiausaha-nya telah melibatkan wang yang banyak sa-hingga menimbulkan kes yang maha besar sa-hingga Kerajaan terpaksa bertindak menyelesaikan-nya. Jadi saya rasa projek perumahan ini satu masa-alah yang besar, kalau salah² kita bawa benda itu boleh berlaku macham² perkara yang terpaksa kerja ACA itu bertambah, kerja anti-rasuah itu kena lebeh sedikit. Jadi saya rasa ada satu kaedah yang lebeh baik, ia-itu kaedah kita beli rumah yang

sudah siap, kerja tidak banyak. Umpama-nya Badan ini berkehendakkan berapa buah rumah, rumah yang telah siap, kita beli sahaja, kita boleh jual terus kepada pegawai² Kerajaan. Tidak melibatkan contract, tidak melibatkan pembenaan jalan, longkang dan sa-bagai-nya. Pembelian ini Kerajaan pun selamat, rumah sudah terdiri kita boleh tengok condition-nya, chorak rumah, pelan rumah yang kita persetujui, sharikat buat, kita beli dan kita ambil. Jadi ini lebeh selamat bagi pehak Perbadanan yang sumpama ini untuk memberi rumah, rumah pun chepat. Kalau Pegawai Kerajaan, kita kata sekarang bagini: banyak pegawai Kerajaan berkehendakkan rumah, kemudian kita buat satu projek mithal-nya projek perumahan; satu² kawasan yang boleh hendak di-siapkan dengan permainan contractor-nya, dengan perjalanan yang tidak memuaskan hati, dengan chara pentadbiran dan sa-bagai-nya. Ini satu perkara yang besar.

Tetapi kalau sa-kira-nya kita ambil satu² kawasan umpama-nya, kita beli rumah yang sudah siap kita pergi tengok, kita bersetuju dengan condition dia atau pun kita beri syarat, mesti baiki bagitu bagini lebeh kurang. Kita dapat rumah pun chepat pegawai Kerajaan pun dapat chepat. Ini satu.

Dan satu lagi saya suka hendak meminta penjelasan tentang rumah² Kerajaan yang sudah ada. Saya dengar heboh, ini khabar angin juga, entah angin-kah, benar-kah, saya tidak tahu. Kata-nya Kerajaan hendak jual semua rumah Kerajaan yang ada dalam Malaysia ini, rumah² yang di-buat oleh Kerajaan di-atas tanah Kerajaan, kata-nya hendak di-jual. Jadi ada sa-tengah orang dok kira hendak beli sudah tetapi sa-tengah orang kata macham mana hendak beli, tanah Kerajaan Negeri, rumah Kerajaan Pusat. Jadi tidak tahu apa hal yang berlaku berkenaan dengan chara penjualan rumah² Kerajaan ini. Kalau hendak jual rumah Kerajaan ini elok juga jual—boleh. Sebab satu² rumah Kerajaan itu saya tengok dia punya kawasan chukup besar. Dahulu chara Inggeris dia letakkan satu rumah dalam satu kawasan yang bagitu luas, kita boleh buat 3, 4 rumah dia buat satu rumah. Jadi kalau Kerajaan hendak jual tanah yang bagitu besar umpama-nya boleh buat 3, 4 rumah jual kepada pegawai² Kerajaan. Itu ada baik-nya. Pegawai Kerajaan dia suka hendak beli rumah itu sa-kali

dengan tanah tetapi Kerajaan Negeri hendaklah bersedia untuk menjual tanah itu sekali atau pun satu perkiraan di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat supaya hal rumah dengan tanah itu di-satukan atau pun dengan chara Kerajaan Pusat bayar kepada Kerajaan Negeri harga tanah kemudian di-taksirkan berapa, kemudian Kerajaan Pusat atau Perbadanan Kewangan ini boleh juga kepada pegawai Kerajaan—satu. Berapa rumah boleh buat dalam satu kawasan itu terpulang-lah keadaan tempat itu. Sekian-lah terima kaseh.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi membantu Yang Berhormat Menteri dalam usul ini untuk menjawab perkara satu dan ketiga, yang kedua boleh-lah saya tinggalkan supaya Yang Berhormat Menteri itu menjawab-nya.

Berkenaan dengan ada pertanyaan Yang Berhormat Dato' Nik Hassan tadi sama ada Undang² ini ada-kah meliputi atau memberi peluang kepada Ahli² Parlimen dapat meminjam wang untuk membeli rumah—sambenar-nya tidak. Ini khas bagi kakitangan Kerajaan. Kerana terlebih ma'alum dengan pendek saya katakan, jauh banyak bedza-nya dan banyak perbedzaan antara Wakil Ra'ayat dengan public servants atau kakitangan Kerajaan. Kakitangan Kerajaan seperti mana kita tahu pada zaman sudah berpuluh tahun sa-hingga sekarang memang-lah ada di-untukkan rumah bagi-nya untuk di-diami dan kena-lah sewa yang kecil. Pandang pula Wakil Ra'ayat sa-memang tidak ada Kerajaan menyediakan rumah bagi-nya, sebab kadang² kakitangan Kerajaan kerja tetap sampai 30 tahun, Wakil Ra'ayat kadang² 5 tahun, boleh jadi 2 bulan, boleh jadi sa-tahun, kerja-nya tidak kekal menjadi mewakili ra'ayat. Jadi jauh perbedzaan atau bukan-lah apa yang di-nekmati oleh kakitangan Kerajaan sa-bagai Wakil Ra'ayat juga hendak mendapat nikmat.

Perumahan ini ia-lah hasil untuk melaksanakan daripada Laporan Surohanjaya Tan Sri Suffian bagaimana kita semua ma'alum ia-itu kakitangan Kerajaan tidak akan dapat rumah lagi di-ambil kepada-nya dan mana yang tinggal di-rumah Kerajaan ada-lah dikenakan membayar masa ini bayaran sewa mengikut sewa luar biasa ia-itu dalam laporan itu ada menyatakan Kerajaan hendak-lah menyediakan kewangan supaya kakitangan Kerajaan ini meminjam wang² itu dengan 4% sahaja—itu-lah perbedzaan-nya.

Yang kedua, ia-itu kalau ada-lah Kerajaan² Negeri pula hendak memberi, menyediakan satu kumpulan wang untuk meminjamkan wang kepada Wakil Ra'ayat, itu terpulang-lah kepada masing² Kerajaan Negeri daripada segi politik dan parti angle masing² memandang-lah apa akibat baik dan jahat kalau hendak buat masing² Kerajaan Negeri. Pada pendirian saya, saya tidak ber-setuju.

Yang kedua-nya rumah Kerajaan yang ada sekarang. Saya sudah menjawab juga kerana banyak rumah atau chakap² angin, perkara ini baik kita terangkan di-dalam Dewan ini. Kerajaan tidak ada chadangan hendak menjual rumah² Kerajaan dan tanah Kerajaan yang ada ini, kalau kita pandang-lah kepada kakitangan Kerajaan. Kerana tiap² tanah Kerajaan kalau memandang daripada segi undang² tanah, kalau hendak jual hendak-lah di-lelong supaya dapat maximum market value. Mithal-nya tanah rumah Kerajaan yang ada dua ekar, kadang² satu compound-nya atau 3 ekar tidak jauh daripada golf course, saya tidak perchaya kalau di-ikut harga pasaran masa ini boleh jadi \$1 juta. Pada hal rumah-nya nampak-nya kecil.

Yang kedua, pandangan kita bagaimana boleh kita hendak beri kepada kakitangan Kerajaan dengan harga lebih kurang yang berpatutan sahaja, pada hal kita semua ma'alum tanah itu tanah Kerajaan, tanah pesaka negara, kalau di-beri-lah kepada kakitangan yang ada memileki tanah itu, apa jadi akan datang, apa jadi kakitangan Kerajaan yang akan datang yang beratus² tahun lepas daripada itu. Ada-kah kekal dalam tangan dan atau di-jual-nya kelak. Pada hal ada-lah tanah² Kerajaan, memang kekurangan dalam negeri ini. Banyak boleh kita gunakan kerana faedah negara, faedah negeri itu kalau di-simpan tanah itu buat sekolah, buat kedai² baharu untuk yang akan datang keliling bandar di-Kuala Lumpur ini. Tanah sekarang ini chukup mahal sebab apa-kah tanah ini di-jual kepada sa-orang persaoangan apakala hendak di-beli balek kena-lah membayar harga pasaran. Sekarang boleh di-katakan tanah² yang ada di-rumah Kerajaan yang ada sekarang ini, saya tidak perchaya harga-nya murah. Sa-kurang²-nya saya fikir \$3.00 ka-atas satu kaki persegi. Kalau dekat golf course boleh jadi \$5.00 atau \$8.00 satu kaki persegi. Pada hal tanah itu yang ada dua ekar. Maka memberikan

tanah seperti itu di-jual kepada kakitangan Kerajaan harga \$70,000 berma'ana macham juga present sa-tengah juta ringgit kapadanya. Satu mithalan sahaja yang saya bawa pandangan sahaja. Tidak ada chadangan Kerajaan hendak menjual tanah² itu kepada kakitangan Kerajaan. Memandangkan pada pros dan cons baik ta' baik-nya pada pendapat saya ada-lah lebeh berfaedah pada negara kita menyimpan tanah² itu di-untokkan pada masa yang akan datang atas perkara² untok hak negara, untok sekolah, untok bangunan, untok muzium dan lain².

Itu-lah yang saya dapat jawab perkara satu dan tiga berkenaan dengan chara menyelenggarakan wang ini bagi rumah² Kerajaan, saya fikir biar-lah saya tinggalkan Yang Berhormat Menteri sendiri menjawab. Demikian-lah.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 9hb Ogos, 1971.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.